


Jilid 1
Bil. 26



Hari Jumaat
18hb Januari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3849]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Implikasi Perang Teluk - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Marang) [Ruangan 3884]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991

Jawatankuasa -

Jadual:

Maksud B.22, B.23 dan B.24 [Ruangan 3887]

Maksud B.25 [Ruangan 3898]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1991

Jawatankuasa -

Maksud P.22, P.23 dan P.24 [Ruangan 3887]

Maksud P.25 [Ruangan 3898]

KANDUNGAN-(samb.)

**Implikasi Perang Teluk - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Marang) [Ruangan 3921]**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3946]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRJ DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDOL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S., (Mukah).
- „ Timbalaq Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.L.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD, YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., JP. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perlanian, TUAN MOHD. SHARIPP BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEONG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KTTINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ASO. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MoHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru),
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Jumaat, 18hb Januari, 1991***Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****PENAPISAN FILEM DI RTM**

1. WanHanafiah binWanMatSaman minta Menteri Penerangan menyatakan kekesanan penapisan filem yang dibuat oleh L.P.R terhadap semua filem-filem yang ditayangkan di RTM. Adakah semua filem yang ditayang ditapis oleh L.P.P.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, dalam penapisan filem-filem, Lembaga Penapisan Pilem atau L.P.R antara lain bermatlamat untuk membantu Kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu melalui pembangunan mental dan membantu Kerajaan melahirkan negara yang maju dan sejahtera.

Penapisan filem yang dibuat oleh L.P.P. di atas filem-filem yang ditayangkan oleh RTM adalah berkesan sekali. Ianya dapat mengurangkan pada tahap yang paling minima unsur-unsur seks, keganasan dan jenayah dan disamping itu juga, Lembaga Penapisan Pilem mengawal dan menapis kepada filem-filem yang berkemungkinan

merosakkan keharmonian bangsa dan menolak filem-filem yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama serta filem-filem yang menonjolkan pengaruh-pengaruh politik atau ideologi yang bertentangan dengan aspirasi serta citarasa rakyat di negara ini.

Dalam melakukan penapisan, L.P.P. mengambil berat di atas perasaan dan pandangan serta penerimaan orang ramai terhadap perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Menjawab soalan kedua, L.P.P. menapis semua siaran RTM kecuali beberapa rancangan-rancangan yang tidak perlu diuapisi seperti rancangan Berita, Hal Ehwal Semasa, rancangan seperti rancangan Agama dan Dakwah yang merupakan penerbitan RTM dan semua siaran-siaran langsung yang disiarkan oleh RTM sendiri. Ini adalah kerana RTM menggunakan garis-panduan yang tertentu dalam pengeluaran rancangan-rancangannya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada tiga jenis seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, Lembaga Penapisan Filem menekankan memasukkan unsur-unsur seks, jenayah dan kekejaman. Selain daripada pandangan orang ramai yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, apakah garis-panduan-garis-panduan lain yang telah ditetapkan oleh Lembaga Penapisan Filem di dalam menapis filem-filem yang ditayangkan di Radio dan Televisyen Malaysia.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, tidak ada tayangan di dalam radio. Dalam televisyen, seperti mana saya menerangkan tadi, saya lelah mencakupi ke semua aspek. Selain daripada aspek-aspek keganasan unsur-unsur seks, perkauman dan sebagainya, L.P.P. juga menapis dari sudut over-exposure terhadap perfileman berkenaan dengan jenayah. Saya telah menyatakan tadi, ideologi-ideologi yang bertentangan dengan masyarakat majmuk Malaysia yang menyentuh umpamanya, perkara-perkara yang sensitif terhadap semua agama dalam negara kita, tidak kira sama ada ianya agama Islam ataupun agama-agama lain dan di samping itu juga menolak unsur-unsur politik melalui kekerasan dan nilai-nilai sosial serta kebudayaan yang sangat-sangat bertentangan dengan nilai-nilai sosial dan kebudayaan negara kita.

MAS—KEUNTUNGAN DIPEROLEHI

2. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Pengangkutan menyatakan akan untung rugi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) bagi tahun kewangan 1989 dan tahun 1990. Apakah MAS bercadang untuk menaikkan kadar tambang penerbangan dalam negeri dan antarabangsa. Jika ada, bila.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, keuntungan yang telah diperolehi oleh Sistem Penerbangan Malaysia bagi tahun kewangan 1988/1989 adalah sebanyak \$154,382,000 dan bagi tahun 1989/1990 ialah \$221,939,000.

Mengenai soalan yang berkaitan dengan kenaikan kadar tambang penerbangan dalam negeri dan antarabangsa, jawapan mcngenainya telahpun saya kemukakan kepada Dewan ini pada 14 Januari 1991, iaitu untuk menjawab

soalan daripada Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan semasa mengulung perbahasan Belanjawan. Saya tidak ada apa-apa hendak ditambah.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pendapat Kementerian Pengangkutan, adakah keuntungan MAS pada dua tahun tersebut dianggap memuaskan jika dibandingkan dengan syarikat penerbangan yang lain seperti \$IA dan yang kedua, adakah benar keuntungan daripada penerbangan antarabangsa MAS apabila dicampur dengan kerugian dari setengah penerbangan dalatn negeri mengakibatkan prestasi dan keuntungan MAS dikurangkan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, hendak kata memuaskan kalau sesiapa berniaga pun setakat mana dia dapat dia tidak hrpuas hati, kalau boleh dia hendak lcbih lagi. Tetapi kita terpaksa lah munasabah. Kalau hendak lebih dengan menaikkan tambang dengan tidak ada sebab-sebab yang mustahak, tidak boleh juga kita buat demikian kerana kita memikirkan kepentingan dan kebajikan orang awam. Di samping itu, mengenai keuntungan saya juga di Dewan ini dalam sesi yang sama telah menjawab mengenai keuntungan dan kerugian penerbangan dalam negeri dalam dua minggu yang lalu. Dan apa yang saya sebutkan keuntungan MAS pada hari ini adalah meliputi keseluruhannya yang telah mengambilkira kerugian daripada penerbangan domestik.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akibat daripada peperangan Teluk dan jika peperangan itu berterusan, saya telah difahamkan bahawa MAS telah mengalihkan destinasiya daripada kawasan-kawasan tersebut. Sejauh manakah kesan yang akan dihadapi oleh MAS daripada keadaan tersebut?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kesannya sebelum meletus peperangan pun sudah kita lihat. Maka itulah sebabnya kita minta kenaikan tambang penerbangan antarabangsa tempoh hari pada lahun lepas. Dan disebabkan Krisis Tetuk ini kos tambahan adalah 40% jumlahnya dan memang kita terpaksa berhentikan beberapa penerbangan ke Timur Tengah dan kerugiannya belum dapatlah saya nyatakan berapa jumlahnya.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN KAWASAN SEBERANG PERAI

3. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyalakan perkembangan terbaru mengenai Lebuhraya Utara-Selatan di bahagian kawasan Seberang Perai. Jika dibandingkan dengan jadual projek dan kerja yang sebenarnya dilaksanakan, adakah projek ini terlambat. Jika ya, sila beritahu sebab-sebabnya.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan Kawasan Seberang Perai terbahagi kepada dua seksyen iaitu Sungei Petani ke Butterworth dan Butterworth ke Bukit Merah. Pembinaan untuk seksyen Sungei Petani ke Bullerworth telah dimulakan pada 1hb November, tahun lepas 1990, dan seksyen Butterworth ke Bukit Merah akan dimulakan pada April, tahun ini, dan kedua-dua seksyen ini dijangka siap pada akhir tahun 1993. Tarikh siap ini adalah lebih awal daripada jadual asal di dalam perjanjian konsesi, iaitu pada akhir tahun 1995.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah sebarang susur keluar dan masuk diperuntukkan bagi jalan-jalan yang berdekatan?

Dan kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah sebarang kutipan tol dikenakan di bahagian kawasan Seberang Perai sahaja dan jika ada, di manakah rumah-rumah tol ini akan diadakan dan berapa banyak lol yang dikenakan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu ada sebahagian dari Jalan Utara-Selatan. Sudah tentu jalan masuk-keluar bagi tempat-tempat atau pekan-pekan yang berdekatan di jalan itu memang dimasukkan dalam rancangan. Bersabit dengan soalan mana ke tempat tol plaza yang akan dimulakan, saya minta maaf oleh kerana saya tidak mempunyai maklumat yang tepat di depan saya sekarang.

BAYARAN IKLAN KEPADA TV1 DAN TV2

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Penerangan untuk menyatakan sama ada Kerajaan terpaksa membayar bayaran pengiklanan kepada TV1, TV2 dan TV3 kerana menayangkan filem-filem Kerajaan di dalam program-program mereka. Jika benar, nyatakan jumlah yang dibayar kepada stesyen-stesyen TV masing-masing dari Januari sehingga Oktober, 1990.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membayar sebarang bayaran pengiklanan kepada TV1 dan TV2 kerana menayangkan filem-filem rencana Kerajaan melalui kedua-dua saluran TV Malaysia. Ini adalah kerana matlamat Kerajaan agar ianya dapat mencapai objektif memberi penerangan yang luas dan mendalam kepada rakyat yang bertujuan supaya mereka dapat memahami dengan sepenuhnya perjalanan rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan.

Dengan berbuat demikian, Kerajaan berhasrat mencanai satu masyarakat yang bermaklumat dan bersikap positif terhadap pembangunan negara dan peka kepada perkembangan semasa.

Walau bagaimanapun, kepada badan-badan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang mengutip hasil ataupun "profit-making", dengan izin, yang ingin mengiklankan aktiviti-aktiviti mereka untuk maklumat umum melalui RTM, Jabatan Penyiaran mengenakan bayaran iklan dengan potongan 50% daripada kadar biasa yang pernah dikenakan kepada syarikat-syarikat pengiklanan swasta.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas daripada pilihanraya yang lalu, apakah Kementerian mempunyai perubahan dasar terhadap pengiklanan atau sebarang promosi seperti pelancongan terhadap dua negeri yang telah jatuh dalam tangan Pembangkang?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, belum ada sebarang perubahan yang rasmi yang diamalkan selepas pilihanraya berkenaan kedua-dua negeri Sabah dan Kelantan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana permintaan untuk tayangan TV semakin bertambah dan tidak dapat ditampung oleh rangkaian-rangkaian yang ada, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan TV4?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini terkeluar daripada soalan asal, tetapi walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan Dewan yang mutia ini bahawa memang banyak syarikat-syarikat swasta yang menginginkan supaya Kerajaan membenarkan satu lagi atau lebih daripada channel yang ada

sekarang di Malaysia tetapi pendapat Kerajaan setakat ini ialah saluran-saluran TV1, TV2 dan TV3 sudah lebih daripada mencukupi untuk menampung keperluan penonton yang ada di dalam negara kita pada masa ini.

RAKYAT MALAYSIA TERKANDAS DI TAIWAN

5. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah program bantuan Kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang terkandas kerana bekerja secara haram di Republik Taiwan seperti yang dilaporkan tidak berapa lama dulu. Adakah Malaysia bercadang untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik itu memandangkan hubungan kedua-dua buah negara adalah baik dan ramai pelabur-pelabur Taiwan telah melabur di Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan); Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi pertolongan yang sewajarnya kepada rakyat Malaysia yang terkandas di Taiwan untuk pulang ke tanahair. Langkah-langkah tertentu juga sedang diambil untuk menyejgerakan kepulauan mereka dan di antara langkah-langkah tersebut ialah seperti mendapatkan semula pasport mereka daripada simpanan majikan mereka melalui bantuan pihak berkuasa Taiwan dan juga mengadakan semakan rapi yang segera untuk menentukan kesahihan kehilangan pasport serta taraf kerakyatan mereka yang melaporkan kehilangan pasport sebelum mereka diberikan Sijil Kecemasan untuk perjalanan pulang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan mengamalkan dasar mengiktirafkan satu negara China sahaja, maka soalan mengadakan hubungan diplomatik dengan Taiwan tidak timbul.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk menghantar seorang pegawai khas untuk menjalankan kerja-kerja mengenai rakyat Malaysia yang bekerja secara haram di Republik Taiwan.

Dan yang kedua, berapa banyakkah rakyat Malaysia yang dipenjarakan di negara Taiwan kerana melakukan jenayah-jenayah, termasuk berapakah yang dihukum mati? Adakah pihak Kerajaan memberi nasihat atau bantuan dari segi undang-undang kepada mereka?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, pegawai khas akan dihantar ke Taiwan sekiranya perlu.

Bagi soalan kedua, rakyat Malaysia yang pergi ke Taiwan hanyalah didapati bersalah sebab kerja tanpa permit ataupun satu kelulusan yang mutlak daripada Kerajaan Taiwan. Dan pihak kita tidak langsung ingin mengambil tahu tentang berapa yang kena tahan sebab jenayah ataupun hukuman mati. Setakat ini pihak Kerajaan kita belum dapat apa-apa laporan tentang ada rakyat Malaysia yang dikenakan hukuman mati.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita memang sedar tidak boleh mana-mana rakyat sekali pun untuk bekerja di negara lain tanpa permit. Jadi, saya ingin mendapat maklumat daripada Kementerian sama ada Kerajaan akan mengeluarkan semula pasport kepada mereka ini yang telah terkandas kerana bekerja secara haram dan dibawa balik ke negara kita.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan berhati-hati selepas didapati

bahawa ada rakyat Malaysia yang membuat perkara yang memburukkan imej nama baik Malaysia di luar negeri.

TOL SLIM RIVER

6. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kerja Raya menyalakan kepada Dewan jumlah bayaran yang telah dikutip di galang Tol Slim River semenjak permulaannya. Namakan syarikat yang menguruskan galang tol dan bila ia bercadang untuk memansuhkannya.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil pungutan tol yang telah dikutip bagi Plaza Tol Slim River sejak ianya mula beroperasi pada Mac 1966 sehingga 31hb Oktober, 1990 ialah \$53.3 juta. Berhubung dengan urusan pungutan tol pula, pungutan tol di Plaza Tol Slim River yang dahulunya dikendalikan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia telah diserahkan kepada UEM/PLUS berkuatkuasa pada 31hb Mei, 1988, sepertimana yang telah dipersetujui dalam perjanjian konsesi di antara Kerajaan dengan UEM/PLUS sebagai sebahagian daripada Lebuhraya Utara-Selatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perjanjian konsesi tersebut juga memperuntukkan bahawa seksyen Jalan Tanjung Malim/Slim River yang mana dikenakan tol pada masa ini akan diserahkan kepada Kerajaan apabila bahagian Jalan Tanjung Malim/Bidor yang menjadi sebahagian daripada pakej Lebuhraya Utara/Selatan dibuka. Bahagian Lebuhraya berkenaan dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1993. Selepas bahagian jalan raya tol Tanjung Malim/Slim River dikembalikan kepada Kerajaan, pada masa itu Kerajaan akan mempertimbangkan untuk memansuhkan tol bagi jalan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Taimin bin Lumaing tidak hadir)

REL KERETAPI—JUMLAH PANJANG

8. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah panjang rel keretapi mengikut batu dan kilometer di seluruh negara sekarang;
- (b) berapa panjangkah daripadanya dibina selepas merdeka dan rel dari mana ke mana yang dibina selepas merdeka; dan
- (c) apakah sebab-sebab Kementerian sangat kurang memberi perhatian terhadap pembinaan rel sedang ia adalah alat penghubung yang penting apabila penduduk bertambah dan pembangunan meningkat.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jumlah panjang rel keretapi ialah 1,668 kilometer atau 1,036 batu.

Jumlah panjang rel yang telah dibina selepas merdeka ialah 43 kilometer dan laluan landasan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) stesen Bukit Timah ke Pelabuhan Jurong sejauh 7.2 kilometer;
- (ii) stesen Kempas Baru ke Pelabuhan Pasir Gudang sejauh 29.2 kilometer; dan
- (iii) stesen Subang ke Stesen Sri Subang sejauh 6.6 kilometer.

Selepas merdeka Kerajaan terpaksa mengagihkan sumber kewangannya yang terhad kepada beberapa sektor

untuk mencapai objektif dan strategi pembangunan pada waktu itu. Anggaran Yang Berhormat bahawa Kementerian kurang sangat memberikan perhatian terhadap pembinaan rel adalah tidak benar kerana misalnya projek-projek pembaharuan landasan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) dari Kerdu ke Sungai Yu sepanjang 148 kilometer telah disiapkan pada tahun 1985 dan kosnya ialah \$47.1 juta;
- (ii) dari Sungai Yu ke Tumpat sepanjang 246 kilometer telah disiapkan pada bulan Disember 1989 dan kosnya ialah \$63 juta;
- (iii) dari Padang Besar ke Butterworth sepanjang 66 kilometer telah disiapkan pada tahun 1985 dan kosnya ialah \$14.7 juta; dan
- (iv) Dari Gemas ke Paloh sepanjang 84 kilometer telah disiapkan pada tahun 1989 dan kosnya ialah \$27.8 juta.

Projek pembaharuan landasan yang sedang dijalankan ialah dari Slim River ke Seremban dan Paloh ke Singapura. Projek ini melibatkan pembaharuan landasan sejauh 327 kilometer. Pada masa ini kerja-kerja sedang dijalankan bagi laluan Slim River ke Seremban dan laluan Paloh ke Singapura telah disiapkan pada tahun 1990. Keseluruhan projek ini dijangka siap pada tahun 1992 dan kos projek ialah \$181 juta. Di samping itu projek landasan berkembar dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang iaitu termasuk landasan ke Lapangan terbang Subang dan ke Sentul dijangka siap pada tahun 1993 dan kos projek ini ialah \$166 juta; dan dari Rawang ke Seremban dijangkasiappadatan tahun 1993 dan kosnya ialah \$200 juta.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah Kerajaan tidak berhasrat untuk membina rel yang lebar memandangkan rel yang

lebar boleh jalan lebih laju lagi dan mungkin lebih selamat. Jika tidak, mengapa Kerajaan tidak berhasrat untuk membina? Adakah kos yang lebih tinggi ataupun Kerajaan tidak hendak mengabaikan rel-rel yang ada pada hari ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kosnya akan meningkat sebab bukan sahaja rel terpaksa ditukar, segala gerabak terpaksa ditukar, segala trainnya terpaksa ditukar, segala rel bas terpaksa ditukar. Yang Berhormat boleh beri peruntukan? (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin

Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawasanya pihak KTM telah mengalami kerugian pada setiap tahun terutamanya disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Tumpat, Kelantan. Soalnya yang pertama disebabkan oleh gerabak-gerabak yang saya kira sudah out-of-date dan yang kedua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini tidak bersangkutit. Yang ditanya ini ialah berkenaan dengan rel.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin

Wan Mahmood: Soalan saya berhubung dengan rel. Apakah Kerajaan tidak ada perancangan untuk meringkas perjalanan melalui keretapi ini daripada Kuala Lumpur ke Kelantan? Sebab sekarang ini saya lihat kalau kita melalui bas atau kereta ialah masanya cepat tetapi kalau keretapi terpaksa dua malam berada di atas keretapi.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan rel, buat rel baru ke Kelantan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Rel baru (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebagai

Wakil Rakyat patut faham bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Keretapi Tanah Melayu adalah untuk orang susah yang tidak ada perkhidmatan bentuk lain atau cara lain iaitu dari satu tempat ke satu tempat, daripada satu bandar ke satu bandar di Pantai Timur dan daripada satu hati ke satu halt. Jadi, itu sebabnya KTM rugi kerana memikirkan perkhidmatan dan kepentingan orang ramai.

UNDANG-UNDANG ISLAM— PINDAAN PERLEMBAGAAN

9. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan yang ada sehingga membolehkan undang-undang Islam dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, segala kehendak dan tuntutan Islam sentiasa dalam perhatian Kerajaan termasuk dalam hal undang-undang. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk melaksanakan hal ini secara beransur-ansur sesuai dengan keadaan dan masyarakat kita.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa isu undang-undang Islam ini sentiasa disalah-mengertikan oleh seiengah-sctengah pihak, pertama, kekeliruan daripada pihak akhbar dan juga daripada sikap Kerajaan sendiri. Oleh itu saya ingin bertanya apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah Majlis Perunding peringkat tertinggi yang terdiri daripada alim ulamak, cendikiawan Islam, tokoh-tokoh profesional dalam bidang undang-undang malah tokoh-tokoh daripada peringkat antarabangsa yang diketahui keilmuannya di mana melalui Majlis Perunding ini dilahirkan suatu cadangan Perlembagaan Islam sebagai usulnya dan

diberi penerangan kepada seluruh rakyat negara ini supaya ianya dikemukakan sebagai suatu referendum untuk ditenuikan oleh rakyat bersabit dengan isu ini. Kerana saya percaya jika ianya diberi penjelasan yang seluas-luasnya rakyat ataupun kaum bukan Islam akan menyokong cadangan ini kerana undang-undang Islam akan menjamin hak mereka lebih baik daripada undang-undang yang ada sekarang.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini telah ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Sivil dan Syarak yang tugasnya ialah cuba mencari jalan menjalankan dasar yang disubut tadi iaitu melaksanakan secara beransur-ansur se-suai dengan keadaan dan masyarakat kita.

Adapun perkara yang kedua disebut menghilangkan kekeliruan di kalangan masyarakat kita, memang usaha ini sedang berjalan, kita mempunyai ahli-ahli yang pakar di dalam negeri yang lebih cekap daripada orang di luar negeri, yang memahami suasana di dalam negara kita untuk memberi penerangan dan keterangan kepada masyarakat kita.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Pengkalan Chcpa, nanti sekejap, saya tidak benarkan lagi, Yang Berhormat sudah bcrianya. Ya, silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kerana membenarkan juga. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri sekejap tadi, ada dua perkara. Pertama, beliau mengatakan masalah Undang-undang Islam ini sentiasa di dalam perhatian Kerajaan.

Yang keduanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Kerajaan sedang berusaha secara beransur-ansur untuk melaksanakannya nanti. Saya ingin tahu apakah maksud yang "beransur-ansur" itu, tidak cukup lagi 32 tahun, dan berapa puluh tahun lagi untuk dimasukkan dalam senarai beransur-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, pernahkah Timbalan Menteri sendiri baca Perlembagaan Malaysia di mana Perkara 4 Perlembagaan, di situ jelas bagi kita orang Islam, kita tidak boleh berpegang kerana apa yang dimaksud oleh Perkara 4 Perlembagaan itu bercanggah dan terjejas akidah kita. Apakah Kerajaan akan meminda Perkara 4 ini walaupun tidak pada keseluruhannya? Daripada anggapan saya patut Perkara 4 Perlembagaan ini sudah lama dipinda, sebab perkara ini memang jelas kerana tiap-tiap undang-undang yang dibuat selepas 31 Ogos, selepas merdeka kesemuanya akan terbatal bila bercanggah dengan Perlembagaan. Fahaman saya dengan Perkara 4 itu bukan setakat undang-undang ciptaan manusia sahaja bahkan Quran dan Hadis sendiri pun tidak laku. Apakah Yang Berhormat sendiri sudah kaji, sudah baca? Dan kalau baca—taham, dan kalau faham, bagaimanakah usaha dan penelitian telah dibuat dan sejauh mana tindakan sudah diambil?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang pertama, tidak cukup lagikah masa, kalau kita bercakap berpandukan emosi, kita rasa ada cukup. Semangat dan emosi yang tidak ada ilmu, tetapi kalau bercakap dengan berpandu kepada ilmu dan kebijaksanaan, perkara ini mestilah mengambil masa dalam proses pengisian kemerdekaan dalam negara kita.

Adapun perkara yang kedua itu, Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakannya pun meletakkan emosi di hadapan. Sbcnarnya, kalau kiia hendak melaksanakan, kita boleh cari jalan di sana sini. Misalnya tentang ekonomi Islam, pada satu ketika dahulu kita kata hendak menubuhkan Bank Islam atau Insurans Islam, satu perkara yang bercanggah dengan Perlembagaan ini. Tetapi apabila difikir dengan semasak-masaknya dan dilaksariakan dengan bijaksana, perkara ini kila dapat mencari jalan. Itulah sahaja, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak bacakah Perkara 4?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Sudah baca.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Kalau sudah baca, sudah faham?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, cukuplah.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Itu emosi. Ini ada di hadapan saya, saya ada bawa di sini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, ada yang tidak faham juga berkenaan dengan Perkara 4 Perlembagaan itu daripada segi undang-undang.

LESEN KERETA SEWA KEPADA VAN PENUMPANG

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perusahaan Awam menyalakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerianya supaya mengeluarkan lesen kepada van-van penumpang yang berjalan di scluruh kawasan luar bandar di negeri Sarawak pada amnya, dan di kawasan Padawan seria Samarahan pada khasnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak telah mengeluarkan iklan bagi permohonan lesen kereta sewa di beberapa kawasan di negeri Sarawak iaitu Kota Samarahan, Asajaya.Sadong Jaya, Simunjan, Kapit, Saribas, Kalaka dan Telaga Air. Pada masa ini permohonan-permohonan yang diterima sedang diproses. Bagi kawasan Tebedu dan Pedawai, iklan bagi permohonan kcreta sewa akan dikeluarkan tidak lama lagi. Langkah yang diambil ini memberi peluang kepada bakal-bakal pngusaha kereta sewa termasuk pengusaha-pengusaha van-van penumpang mendapatkan lcsen kereta sewa.

Tindakan yang sedang diambil untuk mengeluarkan lesen kereta sewa di kawasan-kawasan tersebut juga adalah sbagai tambahan kepada perkhidmalan bas berhenti-henti, kereta sewa dan juga teksi yang sudah sedia ada di kawasan-kawasan tersebut. LPKP Sarawak juga scntiasa menjalankan kajian di lain-lain kawasan di Sarawak dan sekiranya ada keperluan, iklan bagi permohonan kereta sewakaan dikeluarkan.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI

11. Tuan Foo Piew Kok minta Mentri Perumahan dan Kerajaan Tempalan menyatakan bilangan projek dan unit rumah yang tergendala di negeri Perak uniuik setiap tahun sejak 1981. Di antaranya berapakah projek dan unit rumahdipulihkanselepascampurtangan Kerajaan. Berapa jumlah Kerajaan telah bclanja ke atas projek iiu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan yang terbenGGKALAI hanya dikesan sejak 1983. Bagi negeri Pcrak Darul Ridzuan, bilangan projek yang trbenGGKALAI sejak tahun berkenaan

ialah 52 projek, meliputi 8,913 buah rumah. Sehingga 31 Oktober 1990, sebanyak 24 projek telah dan sedang dipulihkan yang melibatkan 3,142 bilangan nimah dan 2,136 pembeli.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Projek Pemmahan Terbengkalai telah diwujudkan pada pertengahan tahun 1990. Oleh yang demikian, pemulihan perumahan terbengkalai dan menggunakan kemudahan pinjaman ini belum lagi ada yang telah siap.

Sebagai makluman, Tabung ini di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu apakah garis-panduan boleh atau tidak memulihkan sesuatu projek perumahan itu?

Yang kedua, apakah sebabnya antara 52 projek yang terbengkalai, hanya 24 projek boleh dan sedang dipulihkan? Adakah projek-projek yang telah mengambil usaha untuk dipulihkan tetapi akhirnya pula gagal dan bcri sebab?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada mempunyai garis panduan yang khusus. Apabila kita mendapat aduan daripada orang ramai mengenai sesuatu projek yang terbengkalai, kita akan menasihatkan supaya jawatankuasa pembeli ditubuhkan. Apabila jawatankuasa pembeli telah ditubuhkan, maka kita akan mengadakan perbincangan atau mesyuarat dengan semua pihak yang terlibat di dalam projek tersebut. Oleh sebab itu maka ia memerlukan masa dan di samping itu ia juga memerlukan persefahaman dan kerjasama semua pihak yang terlibat. Tanpa kerjasama, tanpa pengertian yang sebenar-

benarnya, maka sudah tentulah projek-projek yang terbengkalai itu tidak akan dapat dibaik-pulih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, seperti yang saya nyatakan, sehingga bulan Oktober 1990, kita telah dan sedang membaik-pulih 24 buah projek. Ini bererti 28 projek yang sedang di dalam kajian pihak Kementerian dan ianya akan dibaik-pulih mengikut keutamaan dan tertakluk kepada kerjasama dari semua pihak yang terlibat di dalam projek perumahan tersebut.

UNDI POS SEMASA PILIHANRAYA

12. Tuan Jawah Anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang supaya membolehkan kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya dan agen-agen Pilihanraya atau agen mengira masuk ke kem-kem tentera dan kontingen Polis untuk menyaksikan undi-undi pos semasa pilihanraya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang yang berkaitan dengan peti undi pos yang ada sekarang termasuk mengadakan peruntukan untuk membolehkan kakitangan SPR, agen-agen pilihanraya dan agen mengira undi masuk ke Kem Tentera dan Kontingen Polis. Ini disebabkan pengurusan pengundian secara pos telah ditadbirkan secara teratur,

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa undi pos ini adalah undi dalam tangan bagi Barisan Nasional. Buktinya, saya rasa tidak ada undi pos yang dimenangi oleh Pembangkang. Itu boleh disemak. Jadi, adakah, walaupun

ada kepincangan-kepincangan dalam pengendalian undi pos ini dan juga ada keraguan dan ketidak-adilan dalam pengendalian undi pos ini, maka pihak Kerajaan masih enggan meminda peraturan yang ada?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Suruhanjaya Pilihanraya belum ada lagi menerima sebarang aduan berkenaan kes-kes tertentu lentang perkara itu berlaku. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ialah banyak tuduhan-tuduhan yang dibuat secara rambang dan anggapan sahaja. Sekiranya ada kes-kes tertentu berlaku, maka bolehlah diambil petition Pilihanraya untuk dikemukakan.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingtn tahu apakah makna atau takrif "undi pos" oleh kerana dalam pilihanraya yang lalu ramai askar-askar dari Kelantan telah di dattarkan nama mereka di banyak kawasan mengundi di negeri Sarawak. Bahkan di sesuatu kawasan, saya sendiri mengetahui bahawa seramai 1,832 askar dari Semenanjung telah didaftarkan. Jadi, bolehkah atau tidak kita katakan pengundi-pengundi tersebut sebagai pengundi pos?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Tuan Yang di-Pertua, undi pos adalah bagi mereka yang di dalam Tentera, di dalam Polis dan di dalam kem-kem ataupun pekerja di luar negeri, dan kertas-kertas undi diposkan kepada pengundi-pengundi. Untuk Tentera ataupun Polis, mereka akan mengambil sampul-sampul undi pos daripada Pegawai Pengurus. Sebaik sahaja selepas undi pos dikeluarkan, undi pos itu diberikan kepada Pegawai Pengurus untuk menguruskannya. Oleh itu kalau ada pegawai-pegawai Polis yang bekerja di kem seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, maka ini termasuk di dalam takrif undi pos.

LESEN SENAPANG PATAH

13. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan ancaman daripada pengganas komunis di Sarawak telahpun berakhir, bolehkah petani-petani di kawasan pendalaman Sarawak memohon untuk memiliki senapang patah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

Tuan Yang di-Pertua, proses pemberian lesen senapang palah pada hari ini di Sarawak masih dibekukan buat sementara dan ianya sedang dikaji sekarang ini.

Watau bagaimanapun, pemindahan hakmilik senapang patah daripada bapa kepada anak lelaki menerusi tuntutan pesaka adalah dibenarkan dan berjalan seperti biasa.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, sejak kumpulan komunis sudah menyerah diri kepada pihak Kerajaan, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pembekuan lesen senapang patah, sebab ia paling penting untuk petani-petani menahan tanaman-tanaman mereka. Sebab ini adalah satu masalah besar kepada negeri Sarawak memandangkan terdapat berbagai-bagai kaum, khasnya, dan semua parti politik meminta supaya ianya dikaji semula.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya tidak mahu bercerita panjang tentang hal senapang patah di Sarawak ini, tetapi Yang Berhormat telah bertanyakan ini. Sebenarnya, ia tidak ada kena-mengena sangat dengan perletakan senjata oleh Parti Komunis di Sarawak tetapi ialah kerana kuoia. Kita dapati bahawa jumlah senapang patah di Sarawak ialah sebanyak 57,687 pucuk. Bagi Semenanjung hanya 54,775 pucuk dan bagi Sabah 12,502 pucuk, yang 54,775 itu ialah Selangor, Negeri Sembilan,

Melaka, Johor, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Terengganu, Kelantan dan Kuala Lumpur. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, terpaksa dikaji semulabagaimanakah negeri Sarawak memperolehi begitu banyak sekali senapang patah, kerana pada masa dulu ia adalah dikendalikan oleh pihak Negeri. Dengan sebab itulah kita mengadakan pembekuan dan mengkaji semula supaya tidak wujudlah perasaan daripada negeri-negeri lain mengapakah negeri Sarawak begitu banyak senapang patah.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Yang Berhormat Tuan Radin Malleh.

(*Soaian No. 14 Y.B. Tuan Radin Matteh tidak hadir.*)

**KETUA KERAJAAN KELANTAN/
SABAH MENGHADIRI
MESYUARAT MENTERI-
MENTERI BESAR**

15. Tuan Shukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah beliau sedar bahawa tindakan beliau menyingkir Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah daripada menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri adalah seolah-olah menafikan hak rakyat Kelantan dan Sabah memilih sebuah Kerajaan yang mereka kehendaki mengikut proses demokrasi.

25.1.91

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan betapa adanya langkah-langkah yang memencilkan Ketua-ketua, Wakil-wakil Kerajaan Kelantan dan Sabah dari mesyuarat-mesyuarat dan majlis bersama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri-negeri lain, betapa ada

ura-ura dan gesaan supaya peruntukan Kelantan dan Sabah dikurangkan.

(a) adakah perkembangan itu sesuai dengan semangat politik manifesto Barisan Nasional yang berbunyi:

"Dengan menanamkan kepercayaan bahawa segala pertikaian boleh diselesaikan melalui perundingan yang jujur".

(b) jika Kerajaan Barisan Nasional sendiri tidak menghormati semangat manifesto itu, siapakah yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada 25.1.1991 kerana soalan-soalan tersebut berkaitan dengan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Ketua-ketua Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah hanya tidak dijemput menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum yang diwujudkan secara pentadbiran oleh kerana mesyuarat-mesyuarat dan forum tersebut diadakan bagi maksud menyelaraskan kegiatan-kegiatan perhubungan dan mengendalikan urusan-urusan serta menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah yang menyentuh kepentingan bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional. Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah dahulunya dijemput ke mesyuarat berkenaan kerana mereka pada masa itu adalah anggota Barisan Nasional.

Sungguhpun kedua-dua Ketua Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah tidak dijemput hadir tidaklah bermakna bahawa keperluan-keperluan dan kepentingan rakyat di kedua-dua buah negeri berkenaan akan diabaikan. Kepentingan rakyat di kedua-dua negeri itu akan terus diberi perhatian, umpamanya, dengan cara melantik pemimpin-pemimpin tertentu mewakili negeri-negeri berkenaan di dalam mesyuarat iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan bagi negeri Kelantan dan Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi Negeri Sabah dalam mesyuarat-mesyuarat Menteri-menteri Besar dan juga pemimpin-pemimpin yang berkenaan.

Mengenai anggapan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengurangkan peruntukan Kelantan dan Sabah, ingin saya menyatakan di sini bahawa ianya adalah tidak benar sama sekali. Peruntukan kepada kedua-dua negeri berkenaan akan disalurkan seperti biasa melalui saluran-saluran tertentu yang mencerminkan peruntukan itu sebenarnya datang daripada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Barisan Nasional memang berpegang kepada dasar menyelesaikan pertikaian melalui perundingan. Tetapi kalau pihak lain mengambil sikap tidak mahu berunding, apa boleh kita buat, kalau pun kata sanggup berunding, nampaknya hanya sekadar berpura-pura untuk kepentingan politik sahaja.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada dua atau tiga soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benar-benar dua sahaja.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pertama, yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa urusan mesyuarat ini adalah

urusan-urusan untuk membicarakan kepentingan bersama. Soalnya sekarang selepas pilihanraya, adakah tidak ada lagi kepentingan bersama yang perlu dibincangkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Kelantan kerana negeri Kelantan adalah sebahagian daripada Persekutuan? (Tepuk)

Yang kedua, apakah rasionalnya melantik seorang lain yang telah ditolak oleh rakyat Kelantan secara total menjadi wakil kepada negeri Kelantan untuk menduduki Jawalankuasa ini?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saudara saya dari Kok Lanas ini tidak faham apa yang saya jawab tadi. Saya jawab bahawa kita adakan mesyuarat-mesyuarat yang tersebut tadi untuk menguruskan kepentingan bersama Barisan Nasional, bukan kepentingan bersama negeri-negeri iaitu diuruskan melalui pertubuhan-pertubuhan atau Majlis-majlis yang lain. Sungguhpun nampaknya seolah-olah ini adalah Mesyuarat yang tetap tetapi kalau dahulu Kerajaan Kelantan ialah Kerajaan semasa hadir mesyuarat ini kerana Menteri Besarnya adalah dari Barisan Nasional. Begitu juga Sabah dan mesyuarat-mesyuarat ini diadakan untuk menyelaraskan kerja-kerja pembangunan, pentadbiran oleh Kerajaan Barisan Nasional secara menyeluruh bukan dengan Kerajaan PAS ataupun PBS sekarang ini.

Mengenai tuduhan Yang Berhormat berkenaan lantikan wakil Negeri Kelantan sekarang ini, kononnyaditolak oleh rakyat keseluruhannya, saya merasa Yang Berhormat sebutkan ini seolah-olah Barisan Nasional tidak dapat undi langsung daripada rakyat Kelantan. Ini memang tidak betul—boleh kiralah. Hanya kita tidak menang beberapa kerusi. Sebab itulah pihak DAP dan juga Gagasan selalu membuat dakwaan

bahawa mereka sungguhpun tidak menang kerusi tetapi dapat undi yang banyak. Jadi, saya hendak tegaskan bahawa bukan seluruh rakyat Kelantan tolak Barisan Nasional. Ingat sama. (*Tepuk*).

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji

Isahak: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terkejut sedikit apabila Yang Bcrhormat Timbalan Menteri menyebut berkenaan dengan Barisan Nasional sebagai alasan wakil kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Negeri Sabah bukanlah daripada kalangan Ketua Menteri atau Menteri Besar. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri masih tidak faham berkenaan dengan sistem demokrasi yang kita amalkan di negara kita ini kerana bukankah soal parti....

Tuan Yang di-Pertua: Minta soalnya.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji

Isahak: bukankah soal parti tidak harus ditimbulkan disebabkan mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum itu yang dianjurkan menggunakan wang rakyat, bukan wang parti? (*Tepuk*)
Jadi, eloklah pihak Kerajaan ubah sikap itu menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar mengamalkan sistem demokrasi. (*Tepuk*)

Raja Dato' Ariffin bin Raja

Sulaiman: Tuan Yang di-Perlua, saya pun tidak faham kerana apa Cek Mek Molek ini terkejut pula atas jawapan saya ini. Alasan-alasan yang saya beri tadi adalah alasan-alasan yang munasabah. Saya pun macam itu juga. Tidak faham kerana apa Yang Bcrhormat yang juga seorang peguam tidak faham apa yang saya sebutkan tadi ataupun sengaja tidak mahu faham.

Mesyuarat yang saya sebulkan tadi adalah Mesyuarat-mesyuarat penyelaras oleh pihak Barisan Nasional yang menladbirkan negeri-negeri yang berkenaan. Jadi, bila kita sebutkan

berkenaan dengan Kerajaan, memang penyelaras itu atas urusan Kerajaan. Mesyuarat itu memang Mesyuarat Kerajaan tetapi Kerajaan yang mentadbirkan negeri-negeri dengan di peringkat Persekutuan.

Jadi, berkenaan kata kita abaikan negeri-negeri ini tidak kena kerana memang di negeri-negeri yang tersebut pun masih ada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang lurus menjalankan kerja-kerja pentadbiran dan juga pncngurusan untuk membangunkan keseluruhannya. Jadi, berkenaan wang partikah, wang apa itu, tidak berbangkitlah.

**IJAZAH TAIWAN DAN INDIA—
PENGIKTIRAPAN**

16. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Memeri-menteri MCA dan GERAKAN pernah meminta beliau atau pihak Kementerian mengiktiraf ijazah dari negara Taiwan dan India dan kalau ya, bila, serla mengapa pengiktirafan ini masih belum diluluskan.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, memang dari masa ke semasa, pemimpin-pemimpin dari komponen parti Barisan Nasional mengemukakan cadangan supaya Kerajaan memberi pengiktirafan terhadap ijazah Taiwan dan India. Jawatankuasa Pengiktirafan Ijazah telah menimbangkan perkara ini dengan terperinci mengambil kira pandangan Jawatankuasa Akademik dan Jawatankuasa Profesional dan mendapati pada peringkat ini, kriteria dan syarat yang ditentukan bagi mengiktiraf ijazah universiti Taiwan ke jawatan yang bersesuaian telah tidak dipenuhi dan justeru itu ditolak.

Walau bagaimanapun, beberapa ijazah dari negara India, oleh kerana India mengikuti sistem yang hampir sama pada peringkat awal dengan negara

kita, maka beberapa kursus dalam bidang perubatan, kejuruteraan, veterinar, farmasi, perhutanan dan arkib di India adalah diiktiraf.

Tuan Haj Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kementerian dalam memberikan satu pengiktirafan terhadap ijazah-ijazah dari luar negara sepertimana Taiwan dan India. Maksudnya, apakah halangan-halangan yang menyebabkan Kementerian tidak dapat memberi pengiktirafan tersebut?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Di antara perkara-perkara yang dipertimbangkan Tuan Yang di-Pertua, ialah mutu akademik, kesesuaian sisitem tersebut dan juga pandangan yang diberikan secara bebas oleh Jawatankuasa Akademik yang diwakili oleh wakil-wakil universiti dan wakil-wakil dari kelompok profesional yang diperakui pandangan mereka buat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengiktirafan dan setelah menimbang-kan perkara ini, kita dapati tidak perlu seinua ijazah diiktiraf.

Sebenarnya ratusan ijazah-ijazah universiti yang telah ditolak dan tidak diiktiraf bukan sahaja dari Taiwan atau India tetapi juga dari Amerika Syarikat dan Australia kerana tidak semua universiti yang diiktiraf oleh negara masing-masing wajib diiktiraf oleh kita dan satu perkara yang harus kita tekankan ialah soal pengiktirafan ini tidak hanya bergantung kepada kelayakan akademik semata-mata tetapi kesesuaian yang difikirkan wajar untuk diterima sebagai pemegang jawatan dalam Kerajaan Malaysia, maka wajarlah Kerajaan Malaysia memberikan pertimbangan dan pandangan.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya

Yang Berhormat dari Kota Melaka tentu berasa kecewa atas kerana jawapan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lanya soalan ya.

Puan Lim Lay Hoon: Ya, saya tahu. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah minta Menteri Pendidikan metnberitahu kepada Dewan yang mulia ini, selain daripada hanya membuat bising berkenaan dengan pihak MCA, adakah pihak DAP pernah meminta Kementerian Pendidikan mengiktirafkan ijazah dari negara Taiwan dan India? *(Tepuk)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu pintar orangnya. *(Ketawa)* Sebenarnya saya hanya menerima pandangan secara rasmi, secara tersusun yang dikemukakan oleh pihak MCA dan Gerakan. Saya belum pernah mendapat . sebarang surat dari DAP. *(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Dalam Parlimen sudah cukup.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya kata surat.

Tuan Lim Guan Eng: Parlimen, Parlimen lebih penting dari surat. *(Tepuk)* Ini tidak menghormati Parlimen. Parlimen tidak pentingkah? Parlimen lebih penting dari surat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, tidak boleh cakap macam itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis, sayakalasurelam belum sayaterimajeritan macam iuu memang saya dengar. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan.

**SOALAN No. 17 DITARIK
BALIK**

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini telah terjawab sebelumnya, saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

**KRISIS TELUK—PENGELUARAN
MINYAK**

18. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengeluaran minyak negara akibat berlakunya krisis Teluk pada masa kini:

- (a) adakah PETRONAS berkemampuan meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan negara luar dan tidakkah ini akan menjejaskan perusahaan petroleum negara untuk jangka masa hadapan; dan
- (b) atau sehingga tahun berapa Malaysia masih mempunyai sumber bahan mentah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pada 10.12.1990. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan tersebut.

KOBENA—KERUGIAN DIALAMI

19. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan amaun kerugian dalam KOBENA. Berapa besarnya kerugian itu. Adakah kerugian disebabkan penyelewengan yang berlaku dalam pengurusan KOBENA yang menyebabkan kerugian begitu banyak. Adakah apa-apa rancangan untuk menye-

lamatkan KOBENA dengan tujuan melindungi kepentingan ahli-ahli dan menghidupkan projek yang tersadai.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, kerugian yang dialami oleh KOBENA berjumlah \$84 juta. Kerugian ini adalah dari akibat kerugian perniagaan termasuk kerugian menjalankan projek perumahan yang terbengkalai. Kerugian ini tidak ada hubung kait dengan sebarang bentuk penyelewengan.

Pihak Kerajaan telah pun menyediakan \$300 juta untuk Tabung Projek Perumahan Terbengkalai yang dipertanggungjawabkan di bawah Bank Negara. Pihak Koperasi telah memohon bantuan ini dan kini masih dalam proses.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kerugian \$84 juta ini bukan satu kerugian yang kecil dan disebut tadi, sebenarnya ialah kerugian perniagaan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanyalah soalan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak tanyalah ini, dalam proses tanya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah beritahu kita \$84 juta itu bukan kecil, kita tahu juga. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, \$84 juta ini besar, saya tukar kecil jadi besar, dan disebut tadi adalah akibat daripada kerugian perniagaan biasa. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa sebelum ini ada laporan Polis yang telah dibuat oleh Pergerakan Pemuda Semangat 46 berserta dengan dokumen-dokumennya sekali di Balai Polis Dang Wangi bersabit dengan penyelewengan dalam KOBENA ini. Jadi, adakah Kerajaan ataupun Kementerian Yang Berhormat

bercadang untuk menyiasat ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas ataupun apa-apa bentuk supaya dapat mengenalpasti tentang penyelewengan yang berlaku ini?

Tuan Mohd Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa KOBENA sekarang ini adalah dalam siasatan Jabatan Koperasi dan pihak Jabatan Koperasi telah menyelidik, menyemak semua akaun-akaun yang bersangkutan dengan KOBENA dan juga pelaburan-pelaburan yang telah dibuat oleh KOBENA. Setakat ini tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa terdapatnya penyelewengan.

Mungkin Yang Berhormat dari Pasir Mas tersilap dengan Akta Koperasi sendiri, bahawa ada hadnya di mana pihak Jabatan Koperasi berhak menyelidik atau membuat siasatan. Pihak Jabatan Koperasi tidak berhak untuk menyiasat anak syarikat yang mana KOBENA mempunyai saham. Oleh yang demikian apa yang berlaku terhadap anak-anak Syarikat KOBENA tidak ada undang-undang yang membolehkan Jabatan Koperasi meninjau atau menyiasat.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang, masa sudah cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Ya. Masalah KOBENA ini adalah satu lagi skandal UMNO Baru.

Soalan saya, mengapakah tidak ada usaha-usaha yang berkesan untuk menyelamatkan KOBENA dan jika Kerajaan ingin menyelamatkan KOBENA apakah rancangan dan tabung yang akan digunakan? Adakah Tabung Awam akan digunakan, dan kalau ya, apakah justifikasinya. Kalau caranya sendiri iaitu satu koperasi bankrap bagaimana dia dapat menyelamatkan KOBENA?

Yang kedua,....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup, kerana jika sekiranya Yang Berhormat terus, masa tidak ada hendak menjawab.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan bahawa KOBENA dengan UMNO adalah dua badan yang berasingan. Bukan semua ahli KOBENA adalah ahli UMNO, jadi tidak tepat mengatakan bahawa semua ahli KOBENA itu adalah ahli UMNO. KOBENA adalah Koperasi Belia Nasional dan orang-orang yang memasuki persatuan belia ini bukan terhad kepada orang UMNO sahaja.

Mengenai soalan di mana wang penyelamat akan diambil, saya telah menerangkan tadi bahawa pihak Bank Negara sekarang ini telah menubuhkan satu Tabung dan daripada Tabung inilah wangnya akan datang kalau permohonan ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 14 adalah diberi di bawah ini)

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

7. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelamatkan isu berhubung dengan tuntutan Pilipina terhadap Sabah (Sabah Claim).

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Seperti yang pernah saya nyalakan di Dewan yang mulia ini, kedudukan Malaysiadalam perkara ini adalah jelas, iaitu negara kita mempunyai hak mutlak ke atas Sabah. Presiden Aquino sendiri

telah menyatakan kesediaan beliau untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Walau bagaimanapun, beliau menghadapi masalah untuk mendapatkan persetujuan pihak Senat Pilipina. Justeru itu, adalah jelas bahawa ianya merupakan masalah dalam negeri Pilipina dan perlu diselesaikan oleh pihak mereka sendiri.

KEMASUKAN PARTI-PARTI POLITIK DI SABAH

14. Tuan Radin Malleh minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan rakyat Malaysia di negeri Sabah mempunyai lebih daripada 30 kumpulan suku kaum. Mereka lelah hidup dengan aman, damai dan hormat-menghormati di antara satu sama lain sejak dari dahulu lagi. Kepentingan bersama mereka sentiasa diambil berat oleh sesebuah Kerajaan yang mengamalkan konsep berbilang kaum. Adakah kemasukan parti-parti politik yang berunsurkan perkauman seperti MIC, MCA dan UMNO akan memberi jaminan bahawa kehidupan yang aman-damai serta berharmoni di kalangan rakyat Malaysia di Sabah yang berbilang kaum dapat dikekalkan. Atau apakah ia akan memecahbelahkan perpaduan yang sudah terjalin di kalangan rakyat Malaysia di Sabah yang cintakan kedamaian dan keharmonian hidup. Kami yakin dan percaya para pemimpin Persekutuan lebih arif tentang gejala ini.

Setiasaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Kemasukan parti-parti politik yang berasaskan kaum ke Sabah tidak sekali-kali menjejaskan keharmonian kaum di negeri itu. Malah kemasukan parti-parti politik yang bercorak kebangsaan dari Semenanjung akan lebih mempercepatkan proses inlegrasi nasional.

Kewujudan parti siasah yang bersifat kedaerahan akan memperkukuhkan sentimen kedaerahan yang sempit dan kadangkala menonjolkan sikap anti Persekutuan. Perkara yang sedemikian itu amat bertentangan dengan hasrat integrasi nasional.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

IMPLIKASI PERANG TELUK

4.06 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Tuan Yang di-Pertua, Usul Menangguhkan Mesyuarat hari ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 "implikasi Perang Teluk dan Peranan Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan saya ingin memberi pemberitahu bersurat di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat 18 mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkecuaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disejajarkan yakni menggesa Kerajaan Persekutuan bertindak segera menganjurkan rancangan damai dan gencatan senjata menghentikan peperangan di rantau Teluk Parsi yang sudah meletus dan mengkaji implikasinya kepada negara kita serta peranan yang harus diambil bagi menyelesaikannya.

Jika peperangan ini tidak dihalang ia pasti menggugat kesentosaan dua kota suci Mekah dan Madinah, memusnahkan tamaddun umat manusia serantau dan mengancam keamanan dunia seluruhnya, Malaysia dan rakyatnya sudah tentu tidak terlepas dari menerima padahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli dari Marang untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni menggesa Kerajaan Persekutuan bertindak segera menganjurkan rancangan damai dan gencatan senjata menghentikan peperangan di ranlau Teluk Parsi yang sudah meletus dan mengkaji implikasinya kepada negara kita serta peranan yang harus diambil bagi menyelesaikannya.

Bagi menghindarkan keclakaan itu maka semua pihak yang terlibat diseru menyelesaikan secara damai dan dikuatkuasakan gencatan senjata, dengan menyetujui saranan damai lima perkara seperti berikut:

- (1) Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah berusaha ke arah gencatan senjatan dan segala resolusi Majlis Keselamatan berhubung dengan sekatan ekonomi dan tindakan ketenteraan ke atas Iraq hendaklah ditarik balik;
- (2) Semua pihak yang berikut hendaklah berundur dari kawasan sensitif yang menjadi pertikaian:
 - (a) Tentera pelbagai negara pimpinan Amerika Syarikat berundur dari rantau Teluk;
 - (b) Tentera Iraq berundur dari Kuwait;
- (3) Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah mengawasi pengunduran itu dengan menubuhkan pasukan pengawas;
- (4) Kuwait akan ditadbirkan oleh sebuah pentadbir bebas yang dibentuk oleh Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) sehingga satu keputusan tentang

masa depannya dibuat secara bebas oleh rakyatnya.

- (5) Sidang antarabangsa mengenai Asia Barat yang meliputi isu Palestin hendaklah diadakan segera bagi menyelesaikan masalah Palestin yang sudah berlarutan itu.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, petang semalam saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat kawasan Marang mengenai "Implikasi Perang di Teluk Parsi". Teks usul yang tersebut adakah seperti yang baru sahaja dibaca oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dalam perkara ini Peraturan Mesyuarat 18 (2) menetapkan iaitu Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan Mesyuarat kecuali beliau berpuashati, iaitu perkara yang dibangkitkan itu adalah menepati tiga syarat iaitu:

- (1) perkara itu tertentu;
- (2) perkara itu berkenaan kepentingan orang ramai;
- (3) perkara itu berkehendak disegerakan.

Peraturan Mesyuarat 18 (3) pula memperuntukkan bahawa jika Tuan Yang di-Pertua berpuashati dengan ketiga-tiga syarat yang tersebut itu dipenuhi dan Majlis Mesyuarat memberi izin dengan tiada sesiapa Yang Berhormat membangkang, maka usul tersebut hendaklah ditangguhkan hingga pukul 5.30 petang untuk dibahas.

Saya telah meneliti dan mengkaji usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang dan saya dapati bahawa ia menepati ketiga-tiga syarat

yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, jika tiada sesiapa Yang Berhormat membantah diadakan perbahasan atas perkara ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (3), usul itu akan ditangguhkan sehingga pukul 5.30 petang ini untuk dibahaskan selama satu jam mengikut Peraturan Mesyuarat itu.

Saya akan membenarkan pihak pencadang usul berucap selama 30 minit dan pihak Kerajaan pula menjawab selama 30 minit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semulapertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Ketujuh*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud 5.22, B.23 dan B.24
(Jadual)—*

*Maksud P.22, P.23 dan P.24
(Anggaran Pembangunan 1991)—*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila sambung.

4.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung ucapan saya semalam mengenai tema atau penekanan yang diberikan dalam tahun 1991 bagi menggiatkan industri pelancongan di mana kita memberi penekanan kepada keindahan alam semula jadi.

Tuan Pengerusi, masa hadapan pelancongan negara kita adalah sangat menggalakkan. Kita mempunyai masyarakat yang terdiri dari berbilang kaum, kita mempunyai kebudayaan dan kesenian yang menarik. Oleh itu apabila kita berikan pula penekanan kepada alam semula jadi seperti pantai yang cantik dan bersih, berbagai-bagai pulau yang menarik, gunung-ganang yang menawan, gua-gua yang hebat dan hutan tropika yang lama, gabungan produk-produk tersebut sudah tentu akan menjadi daya tarikan dan akan menarik lebih ramai pelancong datang ke negara kita. Kita akan laksanakan acara-acara kesenian serta mempergialkannya.

Mengenai penggalakan pelancongan, kita akan terus meningkatkan kegiatan dari segi pengiklanan, perhubungan awam, kegiatan penyampaian dan pengumpulan maklumat mengenai pelancongan, promosi di pameran-pameran di peringkat antarabangsa serta seminar-seminar dan kita akan memberi peluang terutama kepada mereka yang terlibat di dalam industri pelancongan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas juga menimbulkan sama ada jumlah kedatangan pelancong-pelancong ke Malaysia sebahagian besar dari Singapura dan beliau beranggapan mungkin jumlah tersebut tidak mencerminkan kedatangan pelancong yang sebenar ke Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah di mana-mana negara pun kedatangan pelancong ke satu-satu

negara itu selalunya yang lcramai sckali ialah dari negara jirannya. Begitu jugalah Malaysia. Tetapi ini tidaklah bermakna dari segi statistik kita mencampur-adukkan di antara pelawat harian, atau dengan izin, day trippers dengan pelancong, kerana definisi kita, seseorang itu dipanggil pelancong ialah apabila ia tinggal bermalam di Malaysia. Ini termasuklah juga pelancong-pelancong dari Singapura. Ini jelas sebagai contoh jika kita lihat bahawa jumlah pelawat melalui pintu masuk Johor Bahru dari Singapura pada tahun 1990 yang lalu ialah kira-kira 11,700,000 pelawat tetapi kita hanya mengambil perkiraan iaitu hanya 36.03% dari jumlah itu kita anggap sebagai pelancong yang sebenar ataupun genuine tourists, dengan izin. Inilah yang menjadi jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia sehingga Disember, 1990 lebih kurang 7.1 jua pelancong dan pendapatan daripada pertukaran wang asing dianggarkan \$4.2 billion. Ini jelas bahawa sektor industri pelancongan telah memberi manfaat kepada ekonomi negara dan membantu aktiviti-aktiviti perniagaan yang melibatkan dengan sekior pelancongan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat juga periambahan yang amat tinggi bagi pelancong-pelancong jarak jauh atau dengan izin, long haul seperti Jepun, German, Australia, Britain dan Amerika.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sama ada kita telah membuat post-mortem Tahun Melawat Malaysia, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, post-mortem peringkat awal telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dan kita akan terus melaksanakan post-mortem secara terperinci dan comprehensif sedikit masa lagi. Pada peringkat awal ini kita telah dapat mengenal pasti beberapa masalah yang

timbul sewaktu pelaksanaan rancangan Tahun Melawat Malaysia 1990, di antaranya ialah:

(1) *Maklumat tentang acara-acara*

Kebanyakan penganjur acara tidak dapat mengemukakan maklumat yang diperlukan tentang persiapan yang dibuat untuk melaksanakan acara-acara berkenaan. Kelewaian tersebut telah menyebabkan maklumat-maklumat tentang acara-acara tersebut tidak dapai diatitkan kepada pelancong-pelancong di luar negeri terutamanya untuk mereka menyertainya sama.

(2) *Perubahan-perubahan tarikh acara.*

Penganjur-penganjur telah mengubah acara-acara dan ini menimbulkan kekeliruan kepada mereka yang berminat terutamanya dari segi percetakan dan maklumat-maklumat kepada penganjur-penganjur pelancong.

(3) *Kecukupan tempat penginapan.*

Maklum balas yang diterima menunjukkan telah mula dirasai kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh agen pengembaraan dan pelancong-pelancong untuk mendapat bilik-bilik hotel, teruiamanya di beberapa tempat tertentu dan di musim-musim perayaan seperti cuti sekolah dan persidangan ataupun convention. Tempat-tempat yang saya maksudkan itu seperti di Kuala Lumpur, Kuantan, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kota Kinabalu.

(4) *Pengangkutan.*

Ketidak-cukupan penerbangan secara langsung ke Malaysia dari luar negeri dan juga destinasi-destinasi tertentu seperti Tioman, Langkawi dan Kuching yang

dialami semasa peak holidays season, dengan izin, hasil dari pertambahan permintaan.

(5) *Kebersihan alam sekitar dan kebersihan tandas di kawasan pelancongan.*

Masalah kekotoran kawasan pelancongan kerana pencemaran alam mudah berlaku di tempat-tempat terutamanya tumpuan pelancong. Di samping itu terdapat juga masalah-masalah kecil-kecilan yang lain yang mana inginlah saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat dan Dewan ini iaitu perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi sedang diteliti dan tindakan-tindakan susulan untuk mengatasi ataupun sekurang-kurangnya mengurangkan masalah-masalah itu pada masa akan datang sedang diambil tindakan.

Walau bagaimanapun, semuanya ini akan berjaya sekiranya semua pihak termasuk rakyat, agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak swasta memberikan kerjasama kepada perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga menimbulkan soal projek memorial bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya projek ini bukanlah timbul kesedarannya apabila seseorang Perdana Menteri kita meninggal dunia sahaja ataupun kerana ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Tetapi pihak Kementerian, terutamanya melalui Jabatan Arkib Negara telahpun merancang dan akan melaksanakan memorial kepada pemimpin-pemimpin kita yang lain. Ini termasuklah Memorial Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. Walaubagaimanapun, sebagai makluman awal kepada Dewan, saya ingin maklumkan bahawa Kerajaan juga

telah pun memutuskan untuk membangunkan Memorial Tunku Abdul Rahman ini di mana satu Jawatankuasa Ictahpun ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara sendiri sebagai Pengerusi dan ahli-ahlinya dari agensi-agensi Kerajaan dan mereka yang berkaitan, termasuklah Ketua Pengarah Arkib Negara yang berada di bawah Kementerian ini.

Mengenai Memorial P. Ramlee, pihak Kementerian tidak bercadang untuk memindah Memorial P. Ramlee kerana rumah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah rumah beliau duduki sehingga beliau meninggal dunia. Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat iaitu sebuah rumah di Pulau Pinang yang mana pernah Allahyarham Tan Sri P. Ramlee tinggal di situ, kita akan terus memperbaikinya dari semasa ke semasa dan projek membaikpulih rumah P. Ramlee di Pulau Pinang itu sedang dan terus dijalankan.

Yang Berhormat dari Arau telah menimbulkan beberapa perkara. Semalam saya telah menjawab mengenai perkara yang ditimbulkan iaitu Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan Kebudayaan. Kemudian Yang Berhormat juga telah menimbulkan soalan peruntukan penyelidikan yang agak kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang dirujukkan semalam itu adalah peruntukan Mengurus, sedangkan peruntukan sebenar untuk penyelidikan ialah di bawah Program Pembangunan, iaitu P. 24 yang meliputi aspek-aspek penyelidikan, sejarah, pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan lama dan juga penyelidikan ekologi yang berjumlah \$1 juta.

Yang Berhormat juga menimbulkan masalah sewa hotel. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak mempunyai kuasa untuk mengawal

kadar sewa hotel, kerana negara kita mengamalkan ekonomi terbuka yang mana sudah tentulah ia bergantung kepada faktor penawaran dan permintaan atau, dengan izin, demand and supply. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian dari semasa ke semasa memang mengadakan perjumpaan, perundingan dan dialog dengan pemilik-pemilik hotel agar mereka tidak menaikkan kadar sewa bilik hotel dengan sewenang-wenangnya kerana ini akan merugikan mereka sendiri dalam jangka waktu yang panjang. Perlu dijelaskan bahawa pada keseluruhannya kadar sewa bilik hotel dinaikkan sebanyak 30% lebih terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Namun begitu, mengikut satu kajian oleh pihak Business International, khususnya Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain di Malaysia masih lagi kadar sewa hotel adalah paling murah di Asia-Pasifik ini. Kadar murah ini termasuklah kadar sewa bilik ataupun kos bilik hotel, makanan, pengangkutan dan pesiaran.

Yang Berhormat juga telah mengingatkan supaya pembangunan pulau-pulau, khususnya di Pulau Langkawi dan Pulau Tioman hendaklah dijalankan dengan teliti supaya tidak berlaku pencemaran alam sekitar. Dalam hal ini, inginlah dimaklumkan memang di dalam perancangan dan pembangunan pulau-pulau ini Kementerian sentiasa berwaspada supaya alam semulajadi pulau-pulau tersebut dapat dikekalkan. Melalui Jawatankuasa Induk Pelancongan dan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang ditubuhkan, kita sentiasa mengingatkan supaya perkara ini diberi perhatian yang secukupnya. Dengan demikian kita yakin perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dapat dipertahankan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan tentang penyelarasan dengan Negara-negara ASEAN. Untuk makluman, kita memang mempunyai hubungan yang baik dengan

negara-negara jiran kita. Kita ada perjanjian kerjasama pelancongan dengan negeri Thailand, Indonesia dan Singapura. Sungguhpun begitu, kita sentiasa bekerjasama kerana kita juga menjadi ahli Jawatankuasa kecil Pelancongan ASEAN di mana melalui Jawatankuasa ini usaha-usaha kerjasama promosi pelancongan telah juga dijalankan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Scitiausaha Parlimen, beri jalan?

Dato' Abdul Rahman bin Suliman: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa Yang Berhormat Menteri pernah membuat sungutan rungutan mengenai Singapura tahun yang lepas semasa Tahun Melawat Malaysia yang pernah mengatakan bahawa mungkin ada satu sabotaj. daripada jiran Singapura. Kalau ada penyelarasan dan hubungan yang baik mengapa perkara seperi ini berlaku?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Pengerusi, dari segi strategi pelancongan tiap-tiap negara mempunyai strategi-strateginya yang tertentu untuk faedah negaranya. Jadi masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri dahulu ialah iaitu apabila kita melancarkan Tahun Melawat Malaysia pihak tertentu telah mengambil kesempatan melalui program kita dan ini memang berlaku di mana-mana. Walaupun rungutan ini ditimbulkan letapi kita yakin bahawa tujuan Yang Berhormat Menteri menimbulkan rungutan itu ialah untuk menyedarkan terutamanya penganjur-penganjur pelancongan supaya kesempatan ini digunakan untuk mendapat faedah keseluruhan kepada negara kita dan bukan kepada negara lain.

Saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat sedikit oleh kerana Yang Berhormat timbulkan, iaitu umpamanya pada tahun ini apabila Indonesia melancarkan Tahun Melawat Indonesia, kita yakin bahawa kita juga akan mendapat faedah daripada program ini kerana selalunya pelancong-pelancong lidaklah hanya mono destinasi ataupun satu sahaja destinasi pelancongan dia, jadi dia akan pergi ke beberapa negara dan kita sudah tentulah akan juga mcngambil kesempatan daripada perkara-perkara seperti ini. Jadi ini memang amalan biasa dari segi pelancongan jika Yang Berhormat faham. Di samping itu, saya juga ingin maklumkan kepada Yang Bcrhormat, kita juga terlibat bersama-sama dengan negara-negara lain di dalam program Yisit ASEAN Year yang akan dijalankan pada tahun 1992.

Tuan Pngerusi, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu kekurangan statistik bilangan pelancong di peringkat negeri, ini memang kita akui dan kita sedar setakat ini kita tidak mempunyai statistik petancong-pelancong di peringkat negeri dan sedikit-sebanyak boleh menjejaskan usaha perancangan bagi pembangunan pelancongan. Oleh yang demikian, kita mengambil perhatian mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Di samping itu, saya juga ingin maklumkan bahawa Perbadanan Kemajuan Pelancongan memang mempunyai satu Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan yang telahpun mengumpulkan statistik bilangan pelancong yang mengunjungi Malaysia. Tetapi oleh kerana pelancong asing boleh bergerak daripada satu negeri ke negeri yang lain lanpa mengisi sebarang borang, maka untuk merekodkan pergerakan mereka statistik mengikut negeri sukar untuk dilaksanakan, terutamanya di negeri-negeri di Semenanjung tetapi bagi

Sabah dan Sarawak bilangan ketibaan pelancong memang dapat direkodkan kerana adanya prosedur kemasukan dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen. Walau bagaimanapun, sebagai alternatif kita ada mengumpulkan bilangan pelancong-pelancong yang menginap di hotel-hotel di negeri-negeri supaya dijadikan petunjuk bilangan pelawat-pelawat ke negeri-negeri tertentu.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai teiah membangkitkan supaya diadakan ahli-ahli agama di dalam perancangan Dasar Kebudayaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telahpun dilaksanakan oleh Kementerian di mana beberapa orang ahli yang berilmu dalam bidang agama ada juga menjadi ahli kepada Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, mungkin ada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat saya jelaskan secara terperinci dan saya inginlah memberitahu Dewan ini bahawa perkara-perkara tersebut telahpun kita ambil perhatian dan kita akan laksanakan

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Tuan Pengerusi, saya bukan hendak tanya, cuma saya hendak peringatkan Tuan Pengerusi sama ada kuorum cukup ataupun tak cukup sekarang?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar ya. Kuorum tak cukup.

Loceng dibunyikan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kuorum cukup. Diminta Timbalan Menteri yang berkenaan supaya meneruskan ucapan beliau.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Pengerusi, semua perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah diambil perhatian. Insya Allah mana yang sesuai kita akan melaksanakan. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$104,477,000 untuk Maksud B.22; \$8,049,400 untuk Maksud B. 23 dan \$4,200,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$104,477,000 untuk Maksud B. 22, \$8,049,400 untuk Maksud B. 24 dan \$4,200,000 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,100,000 untuk Maksud P. 22; \$1,200,000 untuk Maksud P. 23 dan \$6,300,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 24 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,100,000 untuk Maksud P. 22; \$1,200,000 untuk Maksud P. 23 dan \$6,300,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B. 25 (Jadual)—

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B. 25 dan Kepala Pembangunan P. 25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ya, Blok C, Maran.

4.36 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):Terimakasih,TuanPengerusi. Sudah lama saya tidak bercakap, lupa. Saya sebagai permulaan untuk memberi perhatian kepada rakan-rakan saya di Blok C.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin merujuk kepada muka surat 119, Butiran 030000, Perkhidmatan Logistik. Kalau kita merujuk kepada Program dan Prestasi 1991, muka surat 431, Aktiviti Perkhidmatan Logistik adalah termasuk bertanggungjawab di dalam penyediaan dan pembahagian segala keperluan-keperluan untuk Angkatan Tentera meliputi bahan makanan, pakaian tentera, senjata dan peluru, pengangkutan, pemhinaan dan perumahan.

Di sini saya hanya ingin menyentuh mengenai dengan perumahan. Memang telah kita ketahui bahawa perumahan bagi Angkatan Tentera sehingga sekarang masih belutn mencukupi. Dan ramai di antara Tentera-tentera kita yang terpaksa menyewa rumah walaupun kadangkala tempat mereka bertugas adalah berjauhan. Oleh itu, saya ingin bertanya sejak kita mula membina rumah Tentera dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kelima, berapa rumah yang telah kita bina bagi mereka dan berapa lagi yang belum mencukupi? Apakah sebab-sebabnya di antara perancangan perumahan yang kita buat itu tidak menepati sepatutnya dalam jangka masa yang ditentukan?

Kadangkala rumah itu patut kita siapakan dalam Rancangan Malaysia Keempat, terpaksa dibawa ke Rancangan Malaysia Kelima dan mungkin perancangan kita dalam Rancangan Malaysia Kelima dibawa kepada Rancangan Malaysia Keenam. Jadi, berapa banyakkah lagi rumah yang perlu kita bina bagi mencukupi kehendak dan keperluan Tentera-tentera kita?

Selain daripada itu, Tentera-tentera kita yang tinggal di bandar, terutama sekali yang berpangkat rendah, kita hanya memberikan wang sewa nimah mereka, saya ingat tidak lebih daripada \$80.00 sebulan. Jadi, kalau di Kuala Lumpur misalnya sudah barang tentu sukar bagi kita untuk mendapatkan rumah yang sewanya sedemikian rupa. Jadi, adakah Kerajaan bercadang sebelum kita dapat menyiapkan semua perumahan yang kita kehendaki, kita mengkaji untuk menaikkan sewa-sewa rumah ataupun habuan sewa rumah mereka daripada \$80.00 kepada yang sesuai sebagaimana dikehendaki.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga merujuk kepada muka surat 120 mengcnai dengan Tentera Laut. Saya ingin bertanya dalam segi Tentera Laut kita dari segi kelengkapan peralatan peperangan kita. Kita dengar baru-baru ini Kerajaan hendak membeli kapal selam. Jadi, adakah Kerajaan telah membuat keputusan untuk membeli kapal tersebut? Kalau sekiranya Kerajaan telah membuat keputusan, apakah jenis kapal selam yang hendak dibeli dan daripada negara mana dan berapakah harga sebuah kapal selam? Adakah kita akan membeli kapal selam yang telah digunakan atau kita akan membeli kapal selam yang baru dibuat ataupun ditempah?

Saya ingin juga merujuk kepada Tentera Udara mengenai Kelengkapan, Butiran 00600. Dahulu Kementerian Pertahanan telah bercadang untuk membeli Tomado dan kita sekarang telah mengalih mungkin untuk membeli kapal

perang pejuang jenis yang lain. Jadi, apakah jenis kapal perang pejuang yang lain akan dibeli oleh Kerajaan. Setakat ini adakah kita telah membuat perjanjian dengan mana-mana negara untuk membei kapal tersebut?

Bagi saya, kedaulatan sebuah negara untuk memperkuatkan Angkatan Tcnicra, sama ada udara, taut dan daral adalah amat mustahak kerana kita takut negara ini akan dicerobohi oleh mana-mana ncgara lain dengan sewenang-wenangnyanya. Dengan adanya kekuiaan ini, saya percaya sekurang-kurangnya sedikit sebanyak kita boleh mempertahankan negara kita dari dicerobohi oleh negara-negara lain yang ingin mencero bohi negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

4.41ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.25, Butiran 010000—Pentadbiran Pertahanan.

Di bawah program ini, emolumen bertambah daripada \$32,725,600 pada tahun 1990 kepada \$115,988,000 pada tahun 1991, iaitu bertambah sebanyak \$83,262,000. Di kalangan kelima-lima program KEMENTAH, program 010000lah yang mengalami peningkatan emolumen yang paling hebat sekali.

Tuan Pengerusi, tambahan ini arnat membingungkan kerana:

- (a) Di antara tahun 1989 dengan 1990, walaupun bilangan jawatan telah meningkat daripada 8,964 kepada 9,112, peruntukan emolumen telah menurun daripada \$52,931,000 kepada \$32,725,600—satu fenomena yang paling aneh binti hairan. Bilangan jawatan meningkat, tetapi emolumen

turun, ini satu fenomena songsang di dalam Kementerian Pertahanan. Tambahan perbekalan juga tidak pernah diminta bagi tahun-tahun 1989 dan 1990, maka ini menandakan wang peruntukan itu memadai.

- (b) Program-program seperti 030000 dan 040000, bukan sahaja mempunyai bilangan jawatan yang lebih banyak daripada 010000, tetapi mereka juga mencatatkan tambahan perbelanjaan emolumen yang lebih rendah, iaitu masing-masing \$3,382,000 dan \$25,211,600.
- (c) Malahan program 020000 yang mempunyai bilangan kakitangan yang tinggi sekali mencatatkan pengurangan dalam perbelanjaan emolumen, itu pun walau ianya mempunyai 5,985 pegawai tinggi berbanding dengan 1,716 orang dalam program 010000, tidak termasuk Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen serta Setiausaha Politik KEMENTAH.

Apakah penjelasan dari pihak K MENTAH? Kami memang sedar tambahan emolumen kesemuanya \$79 juta adalah bagi kenaikan gaji tahunan dan EKA, akan tetapi, mengapakah pula hanya program 010000 mencatatkan tambahan yang begitu tinggi?

Kami juga ingin bertanya tentang sebab-sebab mengapa Syarikat Malaysia Explosive Sendirian Berhad tidak menyumbang apa-apa hasil kepada Kerajaan walaupun pada tahun 1989 ia memperolehi keuntungan \$3 juta. Daripada laporan butiran-butiran Anggaran Hasil tahun-tahun yang lepas, SME ini hanya menyumbang \$1.35 juta sebagai hasil dan faedah dari pelaburan Kerajaan dalam tahun 1983 sahaja. Berhubung dengan SME, kami ingin tahu jumlah wang yang KEMENTAH boleh menjimatkan dalam perolehan

senjata api akibat pembuatan rifle oleh SME.

Scterusnya, selain daripada SME, bolehkah Kerajaan memberitahu kita saiz industri pertahanan tersedia ada serta sedikit butir mengenai jenis aktiviti pembuatan yang sedang diceburi kerana sangat susah hendak mendapat maklumat seperti ini. Mengapakah penjualan senjata api atau komponen-komponen pertahanan tempatan tidak disenaraikan di dalam laporan butir-butir Anggaran Hasil Persekutuan.

Perihal dengan kehilangan senjata, sungguhpun kadarnya dilaporkan pada tahap yang rendah, jaitu 5 M16 dan dua pisiol dalam tempoh lima tahun, kami tidak pula tahu sama ada senjata yang hilang itu sudah pun diperolchi kembali ataupun tidak. Adakah besar kemungkinan bahawa ada kehilangan yang lain yang tidak dapat dilaporkan ataupun sengaja disembunyikan.

Tuan Pengerusi, Butiran 00300—Pembinaan TLDM. Kami ingin tahu scbab-sebab mengapa Labuan terpilih sebagai pangkalan kapal selam negara kerana kita tengok pihak Kerajaan sekarang berminat semula dengan kapal selam sekarang. Kami memang sedar bahawa TLDM sudah lama merancang untuk membuka sebuah pangkalan di Sabah supaya ianya boleh menghantar kapal-kapalnyadengan cepat ke perairan Laut China Selatan apabila berlakunya kecemasan. Pangkalan di Sabah kononnya akan dijadikan pangkalan utama negara. Maka adakah ini bermakna Labuan jugalah tempat bagi pangkalan utama ini? Jika tidak, maka adakah ia bermakna terdapat dua pangkalan berasingan TLDM dibuka di Sabah kelak?

Tuan Pengerusi, Butiran 00600, kami memang sedar akan hasrat KEMENTAH untuk membeli Hawk dan bukan Tornado daripada negara Briiain di bawah Memorandum Persefahaman yang ditandatangani pada bulan

September tahun 1988. Menurut kenyataan Panglima TUDM, pesawat bertaraf Air superiority, dengan izin, Tuan Pengerusi, seperti Tornado, F18, F16 dan Mirage 2000 masih dalam senarai pembelian kelengkapan penting dalam perancangan induk untuk memperkuat TUDM.

Alasan Kerajaan beli Hawk dan bukan Tornado ialah kerana Hawk lebih cost effective, dengan izin, Tuan Pengerusi. Tetapi dalam satu laporan lain, pembelian pesawat Tornado dan sebagainya dianggap lebih sesuai kerana ia pertama, boleh mengambil peranan Skyhawk; Hawk 200 dan Hawk 100 hampir menyamai kategori pesawat MB339 yang kini sudah pun digunakan untuk latihan pesawat pejuang oleh TUDM.

Yang kedua, mampu meningkatkan kekuatan TUDM dalam erti kata yang sebenarnya. TUDM adalah kebelakangan negara jiran dalam bidang teknologi kelengkapan.

Yang ketiga, Kerajaan tidak perlu membuat pembelian kedua dalam tempoh sekurang-kurangnya lima tahun. Pembelian Hawk bermakna pembelian pesawat Air superiority, masih perlu dibuat sebagai langkah jangka panjang memperkuat TUDM.

Maka lebih banyak wang perlu digunakan iaitu kos pembelian Hawk bertambah dengan kos pesawat yang canggih seperti Tornado.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, malahan mungkin melibatkan kos yang lebih tinggi pada masa depan bila harga pesawat air superiority meningkat dengan aliran masa.

Yang keempat, Kerajaan juga tidak perlu tergesa-gesa menggantikan pesawat F5E yang hanya sesuai digunakan sehingga tahun 1995 kecuali dipertingkatkan.

Yang kelima, sesetengah pihak berpendapat, pembelian Tornado pada masa sekarang adalah caranya memastikan juruterbang kita mengguna teknologi tinggi, malah saya pernah menerima aduan sebaliknya bahawa negara kita tidak berupaya pun untuk membeli pesawat Hawk. Oleh itu kami berharap Kerajaan boleh menerangkan satu asas-asas kiraan kos efektif, dengan izin, KEMANTAH bila ia membuat keputusan membeli Hawk. Yang kedua, keupayaan sebenarnya negara membeli pesawat pejuang. Dan ketiga, kos sebenarnya iaitu pada harga pasaran yang terlibat dalam pembelian Hawk, yang kami memahami sebahagian pembayaran adalah dibuat menerusi eksport barangan utama. Yang keempat, adakah kita sudah membayar berlebihan dan tidak berpatutan, jika kita sudahpun mempunyai pesawat pejuang MB339 yang kononnya setaraf dengan Hawk.

Yang kelima, apakah jangka waktunya sebelum Hawk yang dibeli menjadi outmoded, dengan izin, dan keperluan untuk pesawat canggih menjadi mendesak?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Yang keenam, adakah pembelian Hawk juga dipengaruhi oleh harapan negara menjadi Airod, pusat penyelenggaraan Hawk serantau? Sudahkah kita terpilih oleh British Aerospace dan Rolls Royce?

Ada banyak lagi. Tuan Pengerusi, sekianlah, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri.

433 *ptg.*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya merujuk muka surat 119, B.25 Butiran 010000—Pentadbiran Pertahanan yang jumlah peruntukannya \$156,849,100. Dan rujukan muka surat 431 dalam Kertas Perintah 20 Bahagian (a) Aktiviti Pentadbiran Pertahanan iaitu Pentadbiran Perkhidmatan Perjawatan Latihan Perancangan dan Pembangunan, dan Pentadbiran Agama dan Kebajikan dan (b) Aktiviti Perkhidmatan Tentera iaitu tujuan memberi khidmat ketenteraan yang diperlukan untuk menjamin keselamatan dan untuk menentang musuh negara.

Tuan Pengerusi, sekarang ini Amerika ada pengkalan tenteranya di Singapura dan kita juga difahamkan di sana juga ada pengkalan ataupun ada penasihat-penasihat tentera daripada Israel. Dengan peristiwa yang berlaku di Timur Tengah, kita amat bimbang kehadiran Amerika dan Israel berhampiran dengan negeri kita. Sebab negeri yang akan mengancam sesuatu negeri ialah negeri yang berhampiran. Tetapi dengan kehadiran Amerika dan Israel dan juga perjanjian yang dibuat baru-baru ini, antara Lee Kuan Yew dengan Dan Quayle untuk memberi kemudahan kepada tentera Amerika menjadikan Singapura sebagai pengkalan, ianya akan menjadikan Asia Tenggara ini pada masa hadapan terancam dengan kehadiran kuasa besar ini. Rakyat Malaysia perlu bimbang dengan kehadiran tentera Amerika dan Israel di Singapura akan boleh mencetuskan konflik seperti yang berlaku di Timur Tengah. Sejauh manakah pertahanan dan persiapan negara kita untuk menghadapi sebarang kemungkinan jika ianya berlaku suatu perkara yang kita tidak ingini, kita tidak mahu satu hari nanti negeri kita ditelan oleh kuasa besar, kerana kita melihat potensi ke arah itu memang ada.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah pembinaan jambatan kita

yang difahamkan jambatan yang kedua perhubungan Johor dan Singapura, ada pihak-pihak keselamatan yang tidak berapa setuju pembinaan jambatan itu kerana jambatan itu menuju ke kawasan jurung, kawasan industri dan saya difahamkan juga di sebelah penghujung jambatan di sebelah Singapura sana terdapat sebuah kilang membuat senjata kimia.

Jadi, dari sudut keselamatan, pembinaan jambatan itu tidak berapa disetujui oleh setengah-sctengah pihak keselamatan negara kita kerana bila berlaku sesuatu perkara maka jambatan itu begitu mudah untuk menjadi satu saluran masuk pihak musuh ke negara kita. Tambahan pula di sebelah sana ada kawasan industri dan difahamkan ada kilang membuat senjata kimia di sebelah pihak negara jiran.

Perkara yang seterusnya, ingin saya sentuh ialah kor agama hendaklah ditingkatkan kerana peperangan mutakhir ini, peperangan teknologi moden belum tentu dapat memberi kekuatan kepada tentera-tentera kita, oleh itu kor agama hendaklah dipertingkatkan, jiwa tentera hendak diisi dengan kekuatan agama yang kental dan juga untuk mengisi program seperti, memang kuliah agama telah ada tetapi dipertingkatkan, program-program seperti qiamullail hendaklah dipertingkatkan, dan janganlah kita takut, seperti bekas Menteri Belia dahulu takut bila disebut perkataan qiamullail dan ia dianggap suatu sindrom bila disebut qiamullail, pada hal qiamullail ibadat malam ini untuk menguatkan jiwa seseorang, untuk menghadapi segala cabaran.

Seterusnya saya ingin sentuh Butiran 030000—Perkhidmatan Logistik yang peruntukannya \$665,882,700, rujukan mukasurat 431 Kertas Perintah 20—Aktiviti Perkhidmatan Logistik. Penerangan aktiviti iaitu aktiviti ini adalah bertanggungjawab di dalam

penyediaan dan pembahagian segala keperluan untuk Angkatan Tentera meliputi makanan, pakaian tentera, senjata, peluru, pengangkutan, pembinaan dan juga perumahan. Di dalam Laporan Juruaudit yang dikeluarkan di Parlimen ini dan ianya mengenai Akaun Kerajaan Persekutuan tahun 1988, ada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh pihak Ketua Audit Negara. Dan kita harap pihak Kementerian Pertahanan dapat memberi penjelasan apakah perkara-perkara itu telahpun selesai ataupun telah diambil tindakan. Misalnya mengenai alatganti yang tidak bergerak. Setor TUDM masih menyimpan 17,499 jenis alatganti bernilai \$12.46 juta bagi berbagai jenis pesawat dan kenderaan walaupun alatganti itu tidak pernah diminta bagi tujuan penyelenggaraan atau pembaikan beberapa lama. Setengah daripada alatganti itu tinggal begitu sahaja sejak 20 tahun yang lampau.

Seterusnya, mengenai permintaan alatganti bagi aircraft on ground, dengan izin. Bagi aircraft on ground, sebarang alatganti yang diperlukan hendaklah dibekalkan oleh Depoh dalam tempoh 24 jam. Jika sekiranya alatganti berkenaan tidak dapat dibekalkan, maka pembaikan kapal terbang berkenaan akan terjejas dan tidak boleh dibuat dalam masa yang dikehendaki. Pada waktu lawatan audit ada terdapat beberapa buah pesawat TUDM yang belum lagi dibaiki kerana alatganti tidak dapat dibekalkan oleh Depoh.

Kemudian berkenaan bayaran tambahan kerana gagal membekal alatganti. Dalam buku Laporan Audit ada tersebut, mengikut perjanjian di antara Kementerian Pertahanan dan AIROD Sendirian Berhad, semua alatganti yang diminta oleh Airod hendaklah dibekalkan oleh Depoh TUDM. Sekiranya Depoh tidak dapat membekalkan alatganti tersebut, maka Airod boleh membuat pembelian daripada pembekal lain dengan mengenakan TUDM bayaran per-

khidmatan sebanyak 20% ke atas harga belian. Bagi tempoh 1987 hingga tahun 1988, Depoh TUDM tidak dapat memenuhi 12,778 permohonan, berbagai jenis alatganti yang dipesan oleh Airod. Akibatnya Kementerian terpaksa membayar sebanyak \$5.34 juta kepada Airod kerana gagal membekalkan alatganti yang telah dipesan dalam tempoh yang ditetapkan. Ertinya Kementerian Pertahanan rugi ataupun kena bayar \$5 juta lebih kepada Syarikat Airod.

Seterusnya, komponen pesawat lidak dapat dibaiki oleh kontraktor. Pada tahun 1985, Kerajaan telah mengikat satu kontrak bernilai \$110 juta dengan Airod yang dikehendaki membaiki alat-alat komponen pesawat TUDM yang mengalami kerosakan. Sebanyak 735 alat komponen yang dihantar kepada Airod masih belum dibaiki dan ada di antaranya sudah lebih daripada 2 tahun berada di woksypop Airod.

Kementerian belum lagi mengambil sebarang tindakan bagi mengenakan denda ke atas AIROD berhubung dengan kelewatan ini seperti yang diperuntukkan oleh syarat-syarat kontrak.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita harap pihak Kementerian Pertahanan mengambil satu perkara yang serius mengenai masalah kerugian ataupun belanja yang lebih yang terpaksa dikeluarkan di atas keclalaian pihak Kementerian Pertahanan. Sekian.

5.01 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 120, Butiran (Projek) 00300—Pembinaan dan 00400 Kelengkapan Tentera Laut.

Tuan Pengerusi, saya diberi tahu, sama ada betul atau tidak, bahawa Kementerian Pertahanan akan membeli kapal selam ataupun submarine, dengan izin, dari negara Sweden, yang mana saya juga diberi tahu bahawa ia hanya berupa "prototype" sahaja yang belum dikaji kemampuannya walaupun prestasinya seperti kapal-kapal selam yang dikeluarkan oleh Germany. Saya menyeru supaya pembelian ini dibatalkan serta-merta kerana ianya akan merugikan kita sekiranya prestasi kapal selam "prototype" itu tidak menepati kehendak kita. Kapal selam itu kita beli ialah kerana kita hendak memperiahkan negara, bukan untuk menguntungkan sesiapa. Adakah kita benar-benar perlu kepada kapal selam? Dan kalau kita benar-benar perlukan kapal selam, maka kita hendaklah membeli kapal selam yang boleh menyelam dan boleh timbul.

Tuan Pengerusi, kita bimbang nanti kapal selam yang kita beli itu mahal harganya, tetapi akan menyelam berterusan.

Tuan Pengerusi, muka surat yang sama, Butiran (Projek) 00500 dan 00600—Pembinaan dan Kelengkapan Tentera Udara. Sudah banyak kali saya perkatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak Tentera Udara kita lebih banyak mati dalam kemalangan dan dalam latihan daripada mati berperang. Kalau kita lihat dalam suratkhbar atau televisyen hari ini, askar-askar Amerika ataupun Iraq mati kerana berperang tetapi askar-askar udara kita mati dalam latihan—faham tidak? Kerana kita tidak mempunyai kelengkapan yang baik ataupun kapal terbang-kapal terbang dan helikopter-helikopter yang buruk seperti yang jatuh di Perak dan di lain-lain tempat dan apabila kapal terbang ini jatuh, kita sentiasa mengadakan penyiasatan. Sudah banyak penyiasatan yang dibuat, tetapi kapal terbang jatuh juga. Jadi, apakah keputusan yang kita ambil dari siasatan itu? Adakah kita perlu lagi kapal terbang yang buruk-buruk yang banyak, quantity, dengan

izin, ataupun kita perlukan quality. Jadi, saya sebagai Ahli Parlimen yang berlanggungjawab dari Barisan Nasional mengharapkan Kementerian Pertahanan membeli kapal terbang-kapal terbang yang berkualiti walaupun sedikit bilangannya—cukup, tetapi berkualiti. Itu sahaja ucapan saya, terima kasih.

5.04 ptg.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh (Jelebu): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 010000, 020000, 030000, 040000 serta dimukasurat 120 Butiran (Projek) 00100, 00200, 00300, 00400, 00500 dan 00600. Saya minta izin daripada Tuan Pengerusi supaya saya boleh membincangkan butir-butir ini secara sekali gus kerana terdapat kaitan antara butir-butiran tersebut.

Tuan Pengerusi, dengan penyerahan diri seramai 50 orang anggota Parti Komunis Kalimantan Utara pada 3hb November tahun lalu telah menandakan tamatnya ancaman militan komunis di Malaysia dan ini telah membuktikan betapa pentingnya sumbangan Angkatan Tentera terhadap membanteras ancaman pengganas komunis militan bersama-sama dengan pihak Polis serta pihak awam. Kejayaan yang telah dicapai bukanlah diperolehi dengan mudah. Ramai yang tidak menyedari bahawa di sepanjang kempen selama 42 tahun menentang pengganas komunis militan, ramai anggota pasukan keselamatan yang terdiri daripada Angkatan Tentera dan Polis lelah terkorban dan tidak kurang juga ramainya yang telah tercedera dan pada masa ini mereka kurang keupayaan kerana kecacatan dan tidak cukup dari segi panca indera akibat dari kecederaan tersebut. Tetapi oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang bertanggungjawab, anggota-anggota Angkatan Tentera ini masih lagi berkhidmat dengan Angkatan Tentera dan diberi pekerjaan yang sesuai dengan kecederaan mereka.

Angkatan Tentera kita juga telah membuktikan kemampuan mereka di peringkat antarabangsa, terutamanya bagi pasukan kita yang telah berkhidmat di Namibia bersama-sama dengan Pasukan Pengaman (UNTAG) ataupun United Nations Transition Assistance Group, dengan izin, pada bulan April 1989 serta di Iran dan Iraq sebagai Kumpulan Pemerhati Gencatan Senjata (UNIMOG), pada bulan Ogos tahun lepas. Pasukan serta pegawai pemerhati kita ini telah berjaya melaksanakan kedua-dua tugas tersebut dengan cemerlang dan sekali gus telah mengharumkan nama negara kita di peringkat antarabangsa.

Sebilangan daripada rakyat Malaysia sering membuat tanggapan bahawa peranan Anggota Tentera hanya adalah semata-mata untuk memerangi pihak penganas komunis. Mereka juga berpendapat bahawa Angkatan Tentera hanya mempunyai peranan yang kecil sekarang. Sebenarnya memang ramai yang tidak faham tentang peranan utama Angkatan Tentera. Peranan utama angkatan Tentera seperti juga Angkatan Tentera negara-negara lain ialah untuk mempertahankan negara daripada serangan dan ancaman musuh.

Kita bernasib baik kerana semasa Angkatan Tentera kita terlibat sepenuhnya membanteras ancaman penganas komunis, negara kita tidak diserang alau dicerobohi oleh mana-mana pihak, kecuali semasa Indonesia melancarkan konfrantasi semasa penubuhan Malaysia dahulu. Kita juga bernasib baik kerana Angkatan Tentera kita adalah sebuah Angkatan Tentera yang profesional. Sebagai Angkatan Tentera yang profesional, ianya akur kepada prinsip kekuasaan pihak awam ke atasnya. Angkatan Tentera kita tidak pernah melibatkan diri dalam proses politik negara sungguhpun mereka menyaksikan angkatan tentera negara-negara jiran sering menceburi dalam hal-hal politik negara dan kadangkala mengambilalih kuasa daripada pihak

berkuasa awam. Walaupun apa yang berlaku di sekeliling, saya percaya Angkatan Tentera kita tidak akan melibatkan diri dalam politik negara, terutamanya selama negara kita diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Berhubung dengan ini saya ingin mengaitkan dengan apa yang telah dibangkitkan tadi iaitu berkenaan dengan undi pos. Saya sudah bosan mendengar bahawa undi pos telah dikendalikan oleh Angkatan Tentera dengan cara yang tidak betul. Saya pernah mengendalikan undi pos dan saya ingin memberi jaminan di sini, ataupun memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa undi pos dilaksanakan pentadbirannya dengan baik dan teratur. Pegawai-pegawai Tentera yang menjalankan undi pos ini adalah bertanggungjawab dan mengikut peraiuran dan tidak payahlah diragukan sama ada undi pos itu dijalankan dengan betul atau tidak. Yang sebenarnya memang ramai anggota ataupun sebahagian besar anggota Angkatan Tentera menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Itulah sebabnya undi pos adalah selalunya diberikan kepada calon-calon Barisan Nasional. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi, di atas sumbangan, pengorbanan dan kesetiaan Angkatan Tentera kita, saya harap mereka ini tidak dilupakan dan diberikan balasan yang setimpal. Ini termasuklah kenaikan gaji dan elaun serta kemudahan-kemudahan perumahan termasuklah perkara-perkara kebajikan yang lain.

Tuan Pengerusi, ada pihak-pihak yang mempersoalkan keputusan Kerajaan untuk memodenkan dan mempertingkatkan kemampuan Angkatan Tentera kita, kononnya kita sia-sia melibatkan diri dalam perlumbaan senjata dan lain-lain lagi. Walaupun suasana serantau berada di tahap kerjasama dan setiakawan yang cemerlang di samping wujudnya ketidakseragaman

kecil di kalangan negara-negara dan beberapa hal sebagaimana yang dijangkakan tetapi perubahan-perubahan dalam negara sering menimbulkan cabaran-cabaran baru yang menjadikan suasana tidak menentu. Tanda-tanda positif dalam dan luar negeri khususnya terhadap keruntuhan komunisme nampaknya bukanlah jaminan kepada usaha sejagat untuk menjadikan rantau Asia Tenggara bebas dari ancaman peperangan. Kalau sebelum ini, komunis dianggap sebagai pengancam bagi dunia demokrasi termasuk di rantau ini, tetapi kini ancaman berakarkan ideologi itu sebenarnya boleh bertukar kepada ancaman dari punca yang lain iaitu ekonomi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Bagi di rantau ini, saya berpendapat konflik di kawasan Asia Tenggara ini akan meruncing apabila minyak ditemui secara sah di beberapa kepulauan seperti Kepulauan Spratly dan Parcel yang menjadikan rantau ini jadi rebutan kepada beberapa negara termasuk Malaysia. Rebutan hakmilik ke atas pulau yang berkecuaan mungkin akan membawa kepada pertumpahan darah. Malaysia sebagai negara pengeluar minyak dan gas yang merupakan hasil terbesar, mesti mempertahankan kepentingan ekonominya dengan kawalan terhadap kawasan Zon Ekonomi Eksklusif di samping berupaya memasiikan telaga minyak dan gasnya beroperasi tanpa gangguan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini, Menteri Pertahanan telah membuat pengumuman bahawa beliau akan mencbri keutamaan kepada menggubal satu Dasar Pertahanan yang selama ini belum ada lagi. Jadi, saya harap Timbalan Menteri akan dapat memberi kemajuan di atas kenyataan tersebut kerana memanglah diperlukan satu Dasar Pertahanan yang menyeluruh

bagi negara kita kerana Malaysia bukanlah satu negara yang mudah untuk dipertahankan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Bcrhormat, masa sudah cukup.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Boleh tambah sedikit?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak boleh, telah ditetapkan semua Ahli 10 tinit sahaja.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Jadi, saya harap dapat diberi kemajuan tentang Dasar Pertahanan Negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seputeh.

5.13 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 119, Maksud Bekalan 25, Butiran 010000—Pentadbiran Pertahanan.

Tuan Pengerusi, Angkatan Tentera yang kita warisi dari sistem pentadbiran penjajah perlu diberi nilai baru setelah 33 tahun kita merdeka. Kedudukan pangkat dalam Pasukan Tentera memanglah wajar seperti jabatan-jabatan lain tetapi kedudukan pangkat dalam Angkatan Tentera meletakkan jurang perbezaan antara pegawai dengan anggota begitu jauh. Sepatutnya panggilan "Tuan" dari anggota pasukan ke atas pegawai-pegawainya perlu dihapuskan bagi mengurangkan perasaan inferiority di kalangan anggota pasukan apabila mereka menamatkan perkhidmatan Tentera. Akibat dari ickanan-tekanan perasaan yang dihadapi oleh anggota Tentera ini, kita melihat beberapa kejadian pernah berlaku apabila mereka bertindak di luar undang-undang. Deraan yangberlebihan terhadap Prebet Adam Jaafar misalnya

menyebabkan dia terpaksa bertindak mengikut perasaan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur tidak lama dahulu sehingga mengorbankan orang awam yang tidak berdosa.

Tuan Pengerusi, pemakaian panggilan "Tuan" dalam Angkatan Tentera bukan lagi sebagai penghormatan dari anggota pasukan kepada ketua tetapi meluaskan jurang kemanusiaan seperti tuan dengan hamba di zaman purbakala. Prebet didera mengikut kemahuan tuan sehingga mereka apabila menamatkan perkhidmatan masih....

Tuan Ruhanie bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji MahSruddin): Yang Berhormat, sebcntar. Ada Ahli yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah sebab tidak ada masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baik, teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Sehingga mereka apabila menamatkan perkhidmatan masih menganggap pegawai itu tuan yang mesti dipatuhi. Tidak semua yang kita warisi dari penjajah itu perlu dikekalkan. Kita boleh menukarkan panggilan kepada pegawai-pegawai berkenaan mengikut pangkat yang mereka jawat. Kadangkala lebih manis lagi kalau anggota pasukan hanya memanggil pegawainya Leftenan, Kapten, Major dan seterusnya jawatan-jawatan lain. Kekukuhan pertahanan negara kita sebenarnya adalah rasa persahabatan yang terjalin antara anggota pasukan dan pegawai-pegawai tingginya. Siapa pun tidak mendapat faedah apabila anggota Tentera yang tidak tertahan didera melepaskan kemarahan dengan mengancam keselamatan orang awam pula.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak sentuh sedikit sebanyak di bawah tajuk Tentera Laut dan Tentera Udara. Sejumlah \$112 juta yang diperuntukkan bagi pembelian alat-alat ganti dan keperluan penyelenggaraan kepada kapal-kapal TLDM dan pesawat-pesawat TUDM memberi gambaran kepada kesungguhan Krcajaan dalam meletakkan pertahanan negara penting dalam menghadapi pembangunan dan cabaran tetapi periahanan negara lebih bermakna sekiranya semua rakyat terlibat dalam Angkatan Tentera kita. Kerajaan perlu menimbangkan penubuhan Askar Malaysia yang melibatkan semua rakyat di negara ini boleh menyertainya.

Tuan Pengerusi, sejak beberapa waktu sebelum ini, kita sering diganggu oleh igauan mengenai kemalanganudara yang melibatkan pesawat TUDM. Anggota perajurit kita bukan terkorban di medan perang tetapi akibat nahas pesawat-pesawat berkenaan. Malah yang terakhir sekali ialah melibatkan rombongan lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Sarawak baru-baru ini. Oleh itu, sejumlah \$112 juta ini tidaklah disia-siakan sehingga TUDM akan dipenuhi dengan bekalan pesawat-pesawat yang menunggu masa untuk mengalami nahas apabila digunakan. Dalam ertikata lain kalaupun pesawat-pesawat itu baru dengan alat ganti yang sophisticated atau canggih, TUDM tidak akan mengalami kerugian dengan kehilangan pegawai-pegawai terlatih yang terlibat dalam nahas demikian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Butiran 00600-Kelengkapan TUDM. Saya ingin bertanya apakah keistimewaan-keistimewaan yang bolch dinikmati daripada pembelian Skyhawk, kononnya keistimewaan ini diberi kerana jalinan persahabatan yang baik di antara Malaysia dengan PAC. Adakah ia semata-mata ini atau kerana faktor-

faktor lain? Adakah keistimewaan ini diberi percuma atau sebahagian daripada harga pembelian dan sejauh manakah TUDM ke belakngan dalam bidang teknologi kelengkapan berbanding dengan negara-negara jiran yang lain.

Selain dari itu kami ingin tahu perkembangan terbaru penjualan 33 buah Skyhawk itu. Siapakah yang berminat dengan jet-jet tersebut? Kalau tidak ada pembeli apakah akan terjadi dengan jet-jet itu? Pembelian Skyhawk merupakan satu kesalahan yang besar kerana ia tidak sesuai digunakan di Malaysia akibat sering berlakunya kemalangan dan terkorbannya nyawa, berjuta-juta ringgit wang rakyat telah dibazirkan oleh Kementerian yang berkenaan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed); Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran, Kepong, Nilam Puri, Larut, Jelevu dan akhir sekali Seputeh yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini berkenaan dengan Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Maran membangkitkan soal pembinaan rumah untuk Angkatan Tentera. Suka saya memaklumkan kepada Dewan ini, keperluan rumah keluarga bagi seluruh ATM (Anggota Angkatan Tentera) ialah sebanyak 71,265 buah, yang telah dibina hingga akhir Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak 36,655 buah. Dalam pembinaan ialah 8,462 buah dan kita masih kekurangan sebanyak 34,610.

Yang Berhormat juga menyoal mengapa program kita ini tidak menepati target kita ataupun matlamat kita.

Suka saya memaklumkan di sini sebab yang utama ialah kerana kekurangan penyediaan peruntukan untuk pembinaan rumah-rumah anggota tentera ini, untuk kita siapkan dalam masa yang telah ditetapkan. Kalau sekiranya kita mengambil perangkaan 71,265 buah rumah ini, kita kalikan dengan \$80,000.00 lebih kurang hitung panjang sebuah rumah ataupun satu buah rumah. Kerajaan ataupun Kementerian terpaksa membelanjakan hampir \$6,000 juta, jadi apabila kita menyebut tentang perkara ini hendaklah kita sentiasa ingat. Jika sekiranya Kementerian Pertahanan disediakan dengan \$6,000 juta ini, pastilah kita boleh menyiapkan semua sekati rumah-rumah ini mengikut jadual seperti keperluan kita.

Yang kedua, sebab kita tidak dapat mengikut jadual yang telah ditetapkan ialah proses pembinaan ini terpaksa melalui langkah-langkah pentadbiran yang terpaksa diikuti seperti penyediaan tapak, kemudian penyediaan dokumen untuk tender dan selepas itu proses-proses tawaran, penyerahan kerja kepada kontraktor dan sebagainya. Ini juga mengambil masa yang agak lama.

Yang ketiga, adalah kegagalan kontraktor ataupun pemborong-pemborong untuk menyiapkan kerja mengikut jadual. Ini di antara tiga perkara penting mengapa pembinaan rumah-rumah ini untuk anggota ATM tidak menepati jadual kita.

Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan kepada Dewan ini, Kementerian Pertahanan membincangkan jaminan bahawa kita akan berusaha sedaya-upaya bagi mendapatkan peruntukan yang mencukupi, untuk kita membina rumah-rumah Angkatan Tentera ini. Dan kita mempunyai satu

program yang khusus untuk membrikan keutamaan kepada pembinaan rumah bagi anggota tentera, terutamanya di kawasan-kawasan yang perlu diberikan keutamaan seperti di Bandar Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan juga bandar-bandar besar yang lain. Yang Berhormat juga ada membangkitkan soal menaikkan elaun sewa rumah kepada anggota tentera yang terlalu kecil.

Sebenarnya, Kerajaan belum ber-cadang untuk menaikkan elaun sewa rumah ini, tetapi perkara ini akan dikaji dan bagi kawasan-kawasan yang mana sewanya terlalu tinggi sehingga tidak mampu bagi anggota tentera menyewa, contohnya di Bandar Kuching, maka Kerajaan akan mcnyewa rumah itu dan kita akan menempatkan anggota kita dengan percuma, ataupun sewanya akan dibayar oleh Kerajaan. Ini satu daripada cara kita menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat juga ada menyebut berkenaan dengan pembelian kapal selam yang akan dibuat oleh Kerajaan ataupun Kementerian Pertahanan.

Saya suka memaklumkan kepada Dewan ini, perkara tersebut belum lagi diambil keputusan oleh Kerajaan. Perundingan-perundingan oleh Kerajaan dengan pihak-pihak tertentu sedang dijalankan, maka oleh itu tidaklah wajar bagi saya untuk memberikan butir-butir yang lengkap ke dalam Dewan ini kerana setelah keputusan nanti telah dibuat, pasti Kerajaan boleh memaklumkan perkara ini kepada pihak-pihak yang berminat untuk mengetahui. Setakat ini kita belum lagi boleh untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kedudukan perkara ini dengan detail.

Berkenaan dengan kapalselam ini juga, Tuan Pengerusi, telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau tidak silap saya, dan juga Ahli Yang Berhormat dari Larut, jadi saya telah jawab sekalilah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang kedua berucap tadi mcmbangkitkan masalah emolumen. Saya menycru kepada Ahli Yang Bcrhormat supaya jangan bimbanglah soal ini oleh kerana Kementerian Pertahanan mempunyai pakar-pakar dalam menyediakan peruntukan. Soal naik lurun dan sebagainya tak usahlah menjadi kehairanan kepada Yang Berhormat kerana kita tidak ada silap dalam perkara ini dan juga belanjawan yang kita buat diperiksa oleh Kementerian Kewangan, jadi....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat panjang lagikah?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Panjang lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kita akan tangguhkan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut usul yang telah saya luluskan pada awal-awal mesyuarat tadi, sckarang kita akan membahaskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, pihak pencadang dan penyokong-penyokongnya akan dibcri 30 minit dan bagi pihak Kerajaan juga 30 mtnit mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3).

Yang Berhormat dari Marang, sila kemukakan usul.

USUL

IMPLIKASI PERANG TELUK

5,32 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah menerima usul yang dikemukakan itu untuk dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menerima usul yang saya kemukakan itu kerana kesan daripada peperangan dan mangsanya tidak mengenal siapa, sama ada yang kuat atau yang lemah, yang bersetuju atau yang tidak bersetuju.

Marilah sama-sama kita membincangkan perkara yang sangat penting ini kerana peperangan sudahpun berlaku dan jika dibiarkan akan mengakibatkan bencana yang buruk kepada umat manusia di mana juga, khususnya mereka yang tidak berdosa yang berada di rantau itu sekarang.

Tuan Yang di-Periua, peperangan pada umumnya adalah sesuatu yang dibenci oleh manusia dan kita mesti berusaha untuk menghindarinya dan bila ia tercetus juga, maka kita hendaklah segera bertindak dan berusaha untuk menghentikannya.

Kita dukacita bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah gagal untuk memainkan peranan kerana ia lebih mendengar kemahuan Amerika Syarikat dan tidak langsung menghiraukan pandangan-pandangan lain yang meminta supaya Amerika juga mesti menunjukkan kesediaan untuk bertolak-ansur, terutamanya supaya menerima cadangan yang dikemukakan

oleh Iraq supaya membincangkan juga masalah Palestin dan dikaitkan dengan masalah itu. Bangsa-bangsa Bersatu membiarkan dirinya untuk pertama kalinya diperalatkan untuk kepentingan Amerika bagi melakukan apa sahaja dengan tujuan menentang Iraq. PBB tidak pernah menasihatkan Amerika supaya memikirkan padah peperangan ke atas umat manusia tetapi ia hanya menghadkan arahan kepada Iraq sahaja.

Amerika Syarikat sekarang telah berjaya menjadikan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai pihak yang berperang dengan Iraq. PBB sepatutnya bebas dalam mengusahakan perdamaian tetapi kali ini ia seolah-olah menjadi satu pihak yang menggalakkan ketegangan sehingga mencetuskan peperangan di rantau itu. Oleh itu gencatan senjata sangat perlu dan PBB mestilah membebaskan dirinya dari belenggu Amerika yang sengaja mencari jalan untuk berperang dengan Iraq bagi memusnahkan senjata Iraq dan melumpuhkannya dari menjadi kuasa tentera yang boleh mengancam Israel. Amerika mahu rantau itu terus bergolak dan ia akan menguasai minyak dunia yang banyak terkumpul di bumi dan laut rantau Teluk Parsi.

Rumusan lima perkara yang saya kemukakan itu perlu dikemukakan bagi menggesa pihak-pihak yang terlibat melalui apa juga saluran yang terbuka kepada Malaysia, sama ada OIC, Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan Bangsa-bangsa Bersatu.

Perkara ini adalah tertentu dan melibatkan kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan kerana peperangan yang sudah tercetus itu tentunya akan menggugat kota suci Mekah dan Madinah. Umat Islam akan terhalang daripada mengunjungi Mekah dan Madinah untuk berumrah sepanjang masa dan menunaikan haji termasuk umat Islam dari Malaysia. Jika kota suci itu tersentuh nanti, maka seluruh umat

Islam akan tersentuh sama. Umat Islam terhina dan dayus jika tidak bertindak. Sudah cukuplah dengan peristiwa pencabulan kesucian Masjidil Aqsa yang sekian lama menekan jiwa umat Islam. Kalau dibiarkan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi pula dalam bahaya. Krisis ini sudah pun memberi kesempatan kepada tentera-tentera kufur Nasrani dan Yahudi berada di Semenanjung Arab sedangkan Islam memberitahu bahawa tidak harus berkumpul dua akidah di Semenanjung Tanah Arab dan rantau itu hendaklah diberi perlindungan yang sewajarnya.

Berdasarkan kepada apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Tidak harus berkumpul dua agama di Semenanjung Arab" dan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Aku akan mengeluarkan Yahudi dan Nasrani dari Semenanjung Arab sehingga aku tidak tinggal di dalamnya melainkan orang Islam". Ini bukan kerana taksud, tetapi kerana hendak memelihara kawasan yang mulia itu. Kalau kawasan kedutaan negara-negara dalam dunia ini diberi perlindungan dari segi undang-undang antarabangsa, maka kawasan itu adalah merupakan Kedutaan Allah s.w.t. yang mesti diberi perlindungan dan tidak boleh diizinkan campuriangan dari kalangan tentera asing. Biarlah negeri-negeri setempat atau negara-negara yang berkenaan, negara-negara sahabat yang boleh dipercayai menyelesaikan masalah yang berlaku. Sekiranya berterusan, peperangan ini boleh memusnahkan tamadun Islam yang bertapak di rantau itu.

Pembunuhan beramai-ramai akan berlaku ke atas saudara-saudara kita dan mereka yang dipaksa, dikerah terlibat dengan peperangan yang menghancurkan itu juga akan menjadi korban, di samping orang-orang yang daif seperti kaum wanita, orang-orang tua, orang-orang yang sakit dan kanak-kanak yang tidak berdosa tunit menjadi sasaran.

Peperangan ini tentunya tidak terhad dengan menggunakan senjata biasa tetapi menggunakan senjata yang diharamkan oleh Islam dan undang-undang antarabangsa iaitu senjata kimia, kuman dan nuklear yang bukan sahaja membunuh ramai manusia dan makhluk bernyawa, tetapi membinasakan alam sekitar yang membahayakan cuaca kehidupan dan tumbuh-tumbuhan. Apabila peperangan berlaku sudah tentu menjejaskan keamanan dan ekonomi dunia seluruhnya termasuk Malaysia. Pelajar-pelajar kita yang berada di Asia Barat terpaksa dibawa pulang dan menjejaskan pelajaran mereka.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa merbahayanya peperangan ini, maka Kerajaan Malaysia tidak boleh berdiam diri sekadar menunggu dan melihat tetapi hendaklah membincangkan secara serius dan matang dalam Dewan yang mulia ini untuk menjadi bahan yang berguna kepada Kerajaan dalam usahanya bagi menghentikan peperangan yang sudah pun meletus sekarang melalui saluran-saluran yang ada.

Kesilapan Kerajaan menyokong keputusan ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang sepatutnya hendaklah melakukan usaha-usaha perdamaian, sebenarnya masih boleh diatasi iaitu dengan kita membuka pintu perdamaian supaya perbincangan ke arah perdamaian itu hendaklah diteruskan. Amerika tidak boleh diberi kepercayaan untuk mengemukakan perkara-perkara yang mewujudkan perdamaian kerana negara besar yang berkenaan itu masih dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingannya terutama dipengaruhi oleh Zionist dan banyak tindakan membela negara Israel dan tindakan yang ganas dan menutup penghijrahan orang-orang Yahudi ke Palestin.

Malaysia sepatutnya memainkan peranan yang membetulkan peranan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai suatu

badan antarabangsa yang mendahului perdamaian daripada peperangan dan peperangan adalah penyelesaian yang terakhir, padahal masih ada lagi penyelesaian yang lain yang perlu dikemukakan satu demi satu ke arah perdamaian, tiba-tiba Amerika mempengaruhi Bangsa-bangsa Bersatu untuk menundukkan negara lain mengikut kemahumannya.

Adalah tidak wajar kita terlalu gopoh menyokong keputusan yang dipengaruhi oleh Amerika dan sekutu-sckutunya yang lebih memberi penekanan kepada kepentingan mereka sahaja. Keadaan masih boleh dibetulkan, sekurang-kurangnya kita mengemukakan pandangan kita sendiri yang lebih menolong untuk perdamaian, bukannya untuk peperangan. Negara-negara di rantau itu, negara-negara Islam dan negara-negara jirannya hendaklah sepatutnya diberi peranan yang lebih ke arah mewujudkan perdamaian.

Saya pernah menyertai rombongan dari gerakan Islam yang mengunjungi negara-negara di rantau itu dan menemui pemimpin-pemimpinnya, termasuk Presiden Saddam Hussein. Keadaan lebih tenang sekiranya penyelesaian dilakukan sesama sendiri oleh semangat kejiranan dan menyelesaikan punca yang menimbulkan masalah di antara Iraq dan Kuwait di kalangan negara yang sebenarnya sahabat, bukannya melalui Kuasa Besar dunia yang lebih menumpukan politik untuk kepentingan mereka semata-mata.

Oleh kerana itu, maka saya kemukakan beberapa perkara yang saya cadangkan tadi supaya menjadi perbincangan bersama.

Sekianlah, saya hendak beri masa kepada sahabat-sahabat yang lain untuk berucap. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gua Musang.

5.42 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang): Tuan Yang di-Pertua, sesiapa juga yang berfikiran rasional akan merasa dukacita dan sedih kerana peperangan sudah bermula di kawasan Teluk Arab. Ini bererti bermulanya kemusnahan dan kehancuran akibat perbuatan manusia di rantau Teluk. Adalah amat menyedihkan kerana peperangan ini boleh mengakibatkan kematian beribu-ribu manusia, terutamanya umat Islam serta kemusnahan alam skiiar yang boleh menjejaskan kehidupan di seluruh dunia dan boleh juga menjejaskan ekonomi dunia.

Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telah meluluskan Ketetapan 678 yang mengizinkan tindakan ketenteraan diambil oleh Amerika Syarikat serta sekutunya terhadap Iraq selepas tarikh 15hb Januari, 1991. Malangnya, Malaysia yang menjadi anggota Majlis itu telah menyokong Ketetapan ini. Ertinya, tindakan Kerajaan Malaysia ini tidak dapat dipisahkan daripada peperangan tersebut. Pendirian ini sama sekali tidak sensitif dengan perasaan majoriti rakyat negara ini yang cintakan perdamaian, apatah lagi ia melibaiakan umat Islam dan rakyat Dunia Ketiga. Dahulunya kita berbangga menjadi Anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Malangnya, tanduk Kerajaan kita merestui Ketetapan tersebut amat menyedih dan memalukan kerana kitalah satu-satunya negara Islam yang berbuat demikian.

Pada hari ini dengan menggunakan Ketetapan yang disokong oleh Kerajaan kita itu, Amerika Syarikat dan sekutunya bukan sekadar mengambil tindakan ketenteraan secara terhad di bumi Kuwait sahaja tetapi ia telah menghalalkan pencerobohan terhadap Iraq. Tindakan ini mengakibatkan kematian ribuan manusia, termasuk wanita dan kanak-kanak Islam.

Dengan itu, kita mendesak Kerajaan Malaysia menolak Ketetapan 678 Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ini. (*Tepuk*) Langkah lebih dari 100 orang Ahli Parlimen Malaysia menandatangani surat mendesak Presiden Bush agar tidak mengambil langkah ketenteraan dan berusaha menyelesaikan masalah di Teluk dan masalah Asia Barat keseluruhannya, terutama masalah Palestin mencerminkan hasrat sebenar Ahli-ahli Parlimen kita mengenai krisis ini yang sekali gus menolak Ketetapan 678 itu. Tindakan Bush yang memandang smpi rayuan dan desakan kita itu tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja.

Parlimen Malaysia hari ini perlu menyatakan pendirian tegasnya atas peperangan itu dan soal-soal untuk membawa penyelesaian kepada Asia Barat keseluruhannya secara aman damai.

Katni juga mengutuk tindakan Iraq menakluki Kuwait dan kami mendesak Iraq keluar dari Kuwait. Namun begitu, kami percaya peperangan bukanlah satu-satunya cara untuk mencapai matlamat itu. Sesungguhnya masih banyak lagi langkah bukan ketenteraan untuk menyelesaikan krisis ini belum diberi kesempalan supaya dapat berkesan. Pihak Barat yang begitu ghairah menyerang Iraq juga sering menyuruh bersabar berpuluh-puluh tahun untuk menyelesaikan masalah Afrika Selatan dan Palestin secara aman damai. Maka mereka perlu konsisten dengan pendirian dan tindakan mereka sebelum ini. Oleh yang demikian, tidak ada alasan kenapa serangan itu perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah penaklukan Kuwait oleh Iraq yang hanya berlaku sejak kira-kira 5 bulan yang lalu.

Kami juga percaya bahawa perdamaian yang berkekalan mestilah berdasarkan keadilan. Dalam soal ini keadilan menyeluruh di Asia Barat,

terutamanya mengenai krisis Palestin mestilah dijamin dalam usaha mencari penyelesaian ke atas krisis ini.

Sehubungan dengan itu, kami mendesak agar gencatan senjata diadakan segera di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu. Selain daripada PBB, Pertubuhan Persidangan Ncgara-negara Islam (OIC) patut digesa mengambil inisiatif dan memainkan peranan aktif dalam mencari perdamaian dan penyelesaian di antara negarancgara Islam tanpa mengadakan peperangan.

Kami mengutuk serangan tentera berbagai negara yang diketuai oleh Amerika Syarikat terhadap Iraq yang bermula pada 17hb Januari, 1991.

Kami mendesak supaya pencerobohan itu dihentikan serta-merta. Semua tentera asing ditarik balik dari seluruh Asia Barat, termasuk Kuwait, Iraq, Arab Saudi, Lubnan dan Palestin manakala Pasukan Keamanan Bangsa-bangsa Bersatu dikirim untuk mengurus gencatan senjata dan mengawal supaya keamanan wujud dengan kekal di kawasan Teluk.

Kami mendesak supaya Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu meneruskan langkah-langkah mencari perdamaian adil yang berkekalan dengan menganjurkan Persidangan Antara-bangsa Perdamaian dan Keselamatan Asia Barat secepat mungkin.

Dengan sedikit pandangan itu, saya mohon menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Ahli dari Marang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

5.49 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian dalam

menyokong usul yang telah dibawa oleh Ahli Parlimen Marang dan juga apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat dari Gua Musang.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengetahui daripada pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Luar Negeri bagaimanakah proses yang membolehkan Malaysia menyokong Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu 678. Apakah Malaysia menerima tekanan daripada Amerika Syarikat untuk berbuat demikian? Saya pernah membangkitkan perkara ini di waktu berucap dalam perbahasan Belanjawan negara baru-baru ini kerana ianya terlalu anih untuk Malaysia berbuat demikian, kerana Negeri China sendiri bolch mengambil sikap yang berkecuali dan bukan sebuah negara yang dikatakan negara beragama Islam. Kerana selama ini tidak ada negara sekutu ataupun Amerika Syarikat sendiri begitu tegas untuk bertindak terhadap Israel, tetapi malangnya apabila timbul masalah Kuwait-Iraq ini mereka bertindak luar daripada batasan sama sekali.

Peperangan sudah berlaku, Malaysia tidak boleh dipisahkan dengan masalah yang dihadapi oleh dunia sekarang ini. Sememangnya saya sudah mendengar dan mengikuti kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri melalui kacamata TV semalam, dengan melahirkan perasaan sedih di atas apa yang sudah berlaku. Tetapi keadaan sudah pun berlaku. Oleh itu, menjadi kewajipan pihak Kerajaan Malaysia di aias tanggungjawab moralnya di peringkat dunia antarabangsa, lebih-lebih lagi sebagai sebuah negara Islam memperjelaskan sikap yang sebenarnya sehingga Malaysia menyokong ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu ini. Kita tahu sikap Amerika Syarikat, kita tahu sikap negara-negara bersekutu ini. Dan cadangan telah dibuat supaya Malaysia memainkan peranan bagi diwujudkan gencatan senjata secepat

mungkin di rantau tersebut. Jika gencatan senjata ini tidak dapat diusahakan secepat mungkin dan keadaan peperangan terus berlaku, ribuan umat Islam akan terbunuh dan menjadi mangsa, apakah tindakan kita selanjutnya? Saya ingin mengusulkan di atas nama negara Islam, negara Malaysia yang berdaulat, jika usul ini tidak dikemukakan secepat mungkin ke negara Amerika Syarikat dan jika mereka berdegil, wajar Malaysia menggantungkan hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat secepat mungkin. Ini pendirian negara yang bermaruah, sesuai dengan sebuah negara yang duduk di dalam Gerakan Negara-negara Berkecuali.

Di mana duduknya negara kita di atas asas negara berkecuali selama ini. Dasar kita dahulu tidak pernah terlibat dengan persoalan-persoalan besar, mengambil jalan tengah, jalan yang berkecuali. Kenapa kali ini, apakah kita ghairah kerana penyertaan kita dalam Bangsa-bangsa Bersatu? Kita ghairah kerana kita dapat menduduki kerusi tersebut yang belum pernah kita menduduki selama ini. Apakah kerana itu kita mengambil keputusan yang demikian? Tetapi saya mahu percaya ada sesuatu yang mungkin kita tidak tahu kenapa Malaysia berbuat demikian. Apakah desakan daripada negara-negara Arab sendiri termasuk Saudi Arabia ataupun daripada Amerika Syarikat sendiri yang mempunyai cengkaman terhadap seluruh dunia. Saudi Arabia juga bertanggungjawab sebagai salah satu negara Tentera Sekutu sekarang ini yang menjadi pemain utama di Timur Tengah. Oleh itu, saya juga ingin mencadangkan supaya Malaysia mendesak Kerajaan Saudi Arabia, King Fahd—ini Raja yang semua orang kenal—supaya Malaysia juga turut mendesak agar Saudi Arabia memainkan peranan memberi tekanan yang sehabis hebat dan sehabis kuat terhadap Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, keadaan sudah berlaku. Menjadi tanggungjawab dan kewajipan Kerajaan Malaysia membersihkan nama negara Malaysia sendiri terhadap keputusan ketetapan usul Bangsa-bangsa Bersatu 678. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong. Yang Berhormat ada 7 minit.

J.55 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pihak kami memang kesal dan sedih dengan amat sangs; terhadap perang yang telah berlaku di Teluk Parsi. Perang adalah kejam ke atas semua manusia dan akan mengakibatkan penderitaan ke atas berjuta-juta manusia yang tidak berdosa dan penderitaan ini akan berterusan selepas perang juga.

Kami berpendapat cara-cara yang damai tidak diterokai terutamanya oleh Amerika Syarikat dengan sepenuhnya sebelum menggunakan cara berperang. Amerika Syarikat tidak seharusnya menggunakan cara berperang untuk menyelesaikan krisis ini. Sebaliknya Amerika Syarikat hendaklah menunggu sekatan-sekatan ekonomi, sampai sekatan-sekatan ini boleh menjejaskan Iraq, sehingga Iraq keluar daripada Kuwait. Pihak kami mengutuk dengan sekeras-kerasnya pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, penaklukan dan pendudukan Iraq ke atas Kuwait. Ini suatu perbuatan yang hina, yang menjijik, yang tidak boleh dimaafkan. Sekarang kita berpendapat, gencatan senjata mesti diadakan dengan segera dan dengan adanya gencatan senjata, Iraq mestilah undur dari Kuwait dengan serta-merta untuk membolehkan rakyat Kuwait memilihkan kepimpinan dan Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga berpendapat pihak Amerika Syarikat seharusnya bersedia untuk menunjukkan keikhlasan dan kejujuran bagi menyelesaikan masalah Palestin dengan

mengadakan conference atau persidangan antarabangsa ke atas Timur Tengah. Tetapi malangnya pihak Amerika Syarikat setakat ini tidak menunjukkan keikhlasan dan kejujuran ini. Itulah satu perkara yang amat dikesali. Walau bagaimanapun, kami berpendapat bahawa negara Malaysia kita setakat ini tidak memainkan peranan dengan lebih positif. Walaupun ada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan terutamanya oleh Menteri Luar negeri, usaha-usaha itu tidak mencukupi. Saya pernah dengar kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di lialam Televisyen, tetapi nampaknya tidak berikhtiar untuk menyelesaikan, untuk menolong, untuk mendesak pihak-pihak yang berkenaan menggunakan cara-cara yang damai menyelesaikan krisis tersebut. Dan saya berharap dan kami berharap pihak Kerajaan akan menggunakan cara-cara di dalam tangannya untuk mencari jalan damai supaya gencatan senjata dapat diadakan dengan segera di Teluk itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Sukri bin Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit.

5.38 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Mohamed (Kok Lanas): Ya, dua minit, saya hendak tambah sedikit. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya walaupun sedikit.

Telah ternyata sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pendirian Kerajaan Malaysia menyokong ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu dalatn resolusi 678 adalah suatu kesilapan. Ini berasaskan kepada perkembangan yang sedang berlaku sejak kelmarin sehingga hari ini. Kedudukan di Teluk sudah menjadi suatu perkara yang berlainan dengan apa barangkali yang difikirkan oleh Kerajaan Malaysia di dalam menyokong

ketetapan 678. Sesuai dengan perkembangan terakhir yang berlaku di Teluk, sesuai dengan perubahan keadaan yang sedang berlaku di sana, kami menggesa kepada Kerajaan supaya mengubah kembali pendirian yang telah kita buat untuk menyokong ketetapan 678 itu, dan membuat suatu pendirian baru yang lebih tegas dan berani sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar ucapan dan sokongan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Marang. Adalah menjadi kepentingan kepada kita semua khususnya umat Islam negara ini dan saya merayu kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan yang mulia ini, khususnya yang beragama Islam atas kepentingan agama Islam, menyokong Usul yang dibawa ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab. Ya, sila.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap dalam usul ini. Oleh kerana usul ini dan perkara ini dikaitkan banyak dengan orang Islam dan Islam, maka perlulah saya memberi penerangan dan penjelasan supaya difahami pendirian kita dan hubungannya dengan Islam. Bahawa dalam al-Quran telah dinyatakan dengan terang;

"Dan kami jadikan kamu bangsa-bangsa dan puak-puak supaya berkenal-kenalan dan berbaik-baik".

Amalan antarabangsa pada masa ini mengiktiraf apa yang dinamakan Nation States, iaitu negara-negara yang terbentuk mengikut sempadan geografi tertentu. Maka, peristiwa yang berlaku

di Teluk adalah sepertimana yang diterangkan, apabila kita sudah faham bahawa bangsa atau nation itu kita iktiraf, maka di dalam al-Quran diterangkan dengan nyata yang bermaksud:

"Dibenarkan bagi orang yang diperangi (dicerobohi) kerana mereka dizalimi untuk bertindak balas . . . , mereka dikeluarkan dari rumah, mereka dikeluarkan dari rumah-tangga mereka dengan tiada sebab yang membolehkan demikian."

Maka, Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa Bangsa-bangsa Bersatu yang diiktiraf oleh semua bangsa di dalam dunia ini, kita bandingkan dalam Sohifatul Madinah, iaitu Piagam yang mula-mula dibuat dalam sejarah Islam oleh Rasulullah s.a.w. di Madinah. Salah satu perkara di dalam Piagam itu berbunyi: Bahawa orang-orang yang berjanji di dalam Piagam ini - iaitu orang Islam, orang Nasrani dan orang Yahudi— menjadi kewajipan ke atas setiap mereka memerangi siapa sahaja yang mencerobohi orang-orang yang menandatangani atau berjanji di bawah Sohifah ini. (*Tepuk*)

Maka inilah pendirian kita sikap iaitu Malaysia mengambil sikap untuk menjalankan perdamaian sepertimana yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi, seperti mana kehendak Rasulullah s.a.w.— "Tolonglah saudara kamu yang zalim dan yang terkena zalim." Sahabat bertanya: "Saya telah menolong orang yang kena zalim, bagaimana saya boleh tolong orang yang zalim? Macam mana saya hendak tolong?"

Rasulullah s.a.w. berkata, "Usahakanlah supaya dia berhenti daripada kezaliman itu".

Inilah sikap kita Malaysia dalam keadaan dan keputusan-keputusan yang dibuat itu mengambil jalan yang tengah, dan Kerajaan mengambil jalan yang

tengah itu, tetapi malangnya ada parti-parti polilik dari Malaysia yang melaungkan perjuangan Islam, nampaknya mereka menyebelahi satu pihak yang bergaduh itu. Itu satu sikap yang pada pendapat Kerajaan adalah tidak betul. Maka Kerajaan Malaysia telah mengambil sikap supaya kedaulatan Kuwait dikembalikan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak beri jalan, tidak ada masa.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini parti PAS, parti PAS. (*Ketawa*)

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Yalah, parti PAS kerana tersibar dalam suratkhabarnya, hari ini ada dalam suratkhabarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Dia tidak beri jalan, sila duduk!

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya sangat tertib tidak mahu menyebut, tetapi diminta sebut ini, saya terdesaklah. (*Ketawa*) Diharap saya tidak zalimlah menyebut. (*Ketawa*) Maka inilah sikap kita dalam perkara ini bahawa jalan tengah itu hendak diambil, tetapi ada orang kita sendiri pada satu ketika bercakap kita mesti jadi orang tengah, tetapi pada ketika yang lain memihak secara terang-terang dan secara terus-terang menunjukkan keadaan itu kepada orang ramai.

Maka timbullah soal sama ada kita boleh menolong meminta bantuan daripada orang-orang yang bukan Islam untuk membantu dalam menyelesaikan seperti maksud hadis:

"Tolonglah saudara kamu yang jadi zalim dan yang kena zalim."

Maka saya sukalah menyebut kepada orang Islam dan kepada rakyat Malaysia bahawa Rasulullah s.a.w.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nilam Puri bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak dapat, tidak ada masa kerana akan disambung oleh Menteri Luar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu beri jatanakah?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak berilah.

Seorang Ahli: (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak, ini saya bercakap ilmu ini, koyok-koyok tidak bolehlah macam ini! (*Tepuk*) (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita kena berbahas dengan tertib, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu serius. Manusia beribu-ribu mati ini, kita tidak boleh buat main, gelak ketawa begini!

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak, saya bendak terangkan ini....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya hendak tanya

Tuan Yang di-Pertua: Nilam Puri

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Rasulullah s.a.w. bersabda dalam satu peperangan:

"Wahai orang-orang Yahudi, silalah berperang bersama-sama kami, ataupun pinjamkanlah kami senjata-senjata kamu."

Jadi ini memberi erti bahawa dalam keadaan ini dan dalam sokongan yang dibuat oleh Malaysia untuk tujuan ini, untuk fahaman orang ramai di negara kita dan untuk Dewan yang mulia ini, bahawa ini tidaklah boleh dikatakan bercangah dengan kehendak-kehendak Islam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)* Akan disambung oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. *(Tepuk.)*

6.06 ptg.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan usul ini dibahaskan untuk membolehkan Kerajaan memberikan penjelasan yang sepenuhnya terutama sekali mengenai isu krisis Teluk yang membawa kepada peperangan yang berlaku sekarang ini dan juga mengapa Kerajaan menyokong semua resolusi-resolusi di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, terutama sekali resolusi-resolusi 678 yang telah diluluskan pada 29hb November 1990 yang mana saya sendiri telah hadir dalam persidangan Majlis Keselamatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga mendengar ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Marang yang mencadangkan usul ini dan ianya telah disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang dan juga telah disokong

oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan sebahagian daripada jawapan yang telah dilimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dengan secara serius, walaupun ada yang mcmperkatakan sebentar tadi bahawa jawapan yang diberi tidak begitu serius kerana yang sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang bertanggungjawab dan serius dalam apa yang diperbuatnya. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan berpendapat bahawa usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang dan disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, Pasir Mas, Kepong dan Kok Lanas adalah bertujuan semata-mata untuk kepentingan politik Pembangkang terutamanya parti PAS. *(Tepuk)*

Kerajaan pasti PAS dan juga parti-parti Pembangkang yang lain sememangnya tidak mempunyai keupayaan untuk mencari jalan bagi menyelesaikan Krisis Teluk. Bukan sahaja mengenai Krisis Teluk tetapi sepertimana yang kita ketahui dan rakyat Malaysia mengetahui tidak dapat menyelesaikan banyak masalah-masalah lain, termasuk masalah dalaman parti itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap semasa membahaskan usul ini dari pihak Pembangkang sebenarnya tidak memahami sepenuhnya pokok pangkal Krisis Teluk. Saya juga berpendapat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Marang, juga parti PAS pada keseluruhannya dan pihak Pembangkang, menyedari bahawa sebagai sebuah negara yang kecil, Malaysia tidak mampu atau keupayaan dengan sendirinya untuk

menyelesaikan masalah ini. Kita hanya boleh berusaha sedaya upaya kita mencari penyelesaian damai melalui forum-forum antarabangsa, khususnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain pertubuhan yang disebutkan tadi—Persidangan OIC dan lainnya—dengan menggunakan tekanan moral iaitu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "moral persuasion" ke atas negara-negara yang terlibat.

Hakikatnya kita tidak berupaya untuk menghindar tercetusnya peperangan atau menghalang mana-mana pihak yang terlibat daripada menggunakan kekerasan. Kita hanya berupaya untuk mengutarakan pandangan kita dan cadangan-cadangan untuk mencari penyelesaian terhadap krisis yang berkenaan. Sekiranya, rayuan kita ini tidak diendahkan atau dihiraukan oleh negara-negara yang terlibat kita haruslah mengambil sikap neutral, sederhana dan tidak mengapi-apikan mana-mana pihak. Tetapi Dewan yang mulia ini sedia maklum, rakyat negara ini semua maklum, bahawa adalah menjadi lumrah alam dan kebiasaan bagi parti-parti Pembangkang mencari kesempatan untuk mengapi-apikan rakyat. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan sejelas-jelasnya agar Ahli-ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini betul-betul faham bahawa krisis ini berpunca dari pencerobohan tentera dan penaklukan Iraq ke atas Kuwait. Seperti Dewan yang mulia mengetahui, Iraq telah mengemukakan beberapa sebab atas tindakannya ke atas Kuwait itu. Semasa rundingan yang telah diadakan di Jeddah, Iraq telah menimbulkan soal hutangnya kepada Kuwait dan tuntutan-tuntutannya yang lain, termasuk haknya bagi mendapatkan pampasan dari Kuwait kerana Iraq menuduh Kuwait mencuri minyaknya, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada

Pembangkang sudah pun mengetahui perkara ini tetapi sengaja tidak mahu mengetahui.

Semasa tentara Iraq memasuki Kuwait, Iraq telah menyatakan kepada dunia bahawa ia telah berbuat demikian atas permintaan rakyat Kuwait sendiri. Seterusnya, Iraq telah menambahkan tuntutan kepada soal wilayah iaitu Kuwait merupakan wilayahnya yang ke 19. Saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini bahawa pada masa itu Iraq tidak menimbulkan langsung soal Palestin, tidak langsung ditimbulkan semasa rundingan yang diadakan di Jeddah seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Hanya setelah masyarakat aniarabangsa mengecam dengan tegasnya pencerobohan Iraq ke atas Kuwait barulah Iraq cuba mengaitkan isu Palestin itu kepada tindakan pencerobohannya terhadap Kuwait. Kalau tidak, ia menuntut hutang, ia mengatakan bahawa Kuwait itu adalah wilayah ke 19nya dan perkara-perkara berkaitan dengan dua negara yang berkenaan—tidak langsung timbul pada masa yang berkenaan mengenai Palestin.

Tuan Pengcrusi, apabila Kuwait dicerobohi oleh Iraq, adalah hak mutlak Kuwait iaitu Kerajaan Kuwait untuk meminta bantuan dari mana-mana pihak untuk menyelamatkan negara dan rakyatnya. Hak itu adalah jelas dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, Bab 51. Kerajaan Kuwait telah memohon pertolongan dari negara-negara yang sanggup dan berkeupayaan untuk memberi bantuan. Sesiapa pun yang bertanggungjawab, sesiapa pun yang berfikiran waras, sesiapa pun yang mementingkan masalah negara, masalah keamanan, masalah yang menentang pencerobohan sebuah negara besar atas negara yang kecil tidak harus mempersoalkan tindakan Kuwait meminta bantuan kepada mana-mana pihak yang berupaya untuk berbuat demikian.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, di atas permintaan Kuwait dan Saudi Arabia, barulah negara-negara berkenaan menempatkan tentera mereka di Arab Saudi dan di persekitaran kawasan Teluk Parsi. Sekiranya pencerobohan dan penaklukan ke atas Kuwait tidak berlaku sudah pasii tentera-tentera asing tidak ditempatkan di kawasan yang berkenaan, terutama di Saudi Arabia.

Sebelum pencerobohan ke atas Kuwait oleh Iraq memang tidak ada langsung tentera-tentera asing di kawasan yang berkenaan. Saya juga ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini semasa peperangan Iraq dan Iran dahulu, Iraq telah mendapat bantuan dari Amerika Syarikat dan tidak membantah kehadiran tentera laut Amerika....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Marang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Masa tinggal 10 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Semasa peperangan di antara Iraq dengan Iran dahulu, Iraq telah mendapat bantuan daripada Amerika di kawasan Teluk. Kerajaan Malaysia pada masa itu tidak mendengar apa-apa bantahan daripada PAS atau parti-parti Pembangkang yang lain. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia di dalam hal ini adalah satu pendirian yang tegas dan saksama yang

berasaskan kepada Prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan undang-undang antara-bangsa. Kita sentiasa menentang sekeras-kerasnya apa-apa pencerobohan yang dilakukan ke atas sesebuah negara oleh negara-negara yang lain. (*Tepuk*) Kita telah menguiuk pencerobohan-pencerobohan yang diperbuat ke atas Cambodia, Afghanistan, Panama dan Granada. Bahkan kita sendiri telah mengalami peristiwa yang pahit suatu masa dahulu di mana kita juga telah meminta dan mendapat pertolongan dari negara-negara sahabat termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kila berpegang teguh kepada harapan bahawa Krisis Teluk ini diselesaikan secara aman dan damai. Oleh kerana itulah Malaysia semasa menganggotai Majlis Kcsclarnatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sehingga akhir tahun yang sudah selama dua tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, kita pernah menjadi Ahli Majlis Keselamatan dalam tahun 1965. Jadi, ini kali yang kedua masa tempoh dua tahun yang sudah. Kita bersamasama dengan anggota-anggota Pergerakan Berkecuali yang lain iaitu Columbia, Cuba dan Yemen telah bertungkus-lumus sehingga ke saat-saat terakhir untuk mendapatkan persetujuan terhadap inisiatif damai yang kita telah anjurkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun. Hendak beri jalan kepada dia?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tidak ada jalan, tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua. Saya banyak lagi hendak menjelaskan, kalau tidak Dewan yang mulia ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas, dia tidak beri jalan. Sila duduk, Yang Berhormat!

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun inisiatif tersebut iaitu inisiatif yang diperbuat oleh anggota-anggota Pergerakan Negara Berkecuali dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Columbia, Cuba dan Yemen tidak diterima oleh pihak-pihak berkenaan. Inisiatif damai tersebut masih boleh dijadikan asas penyelesaian Krisis Teluk. Kita berharap pihak-pihak yang terlibat tidak menutup pintu ke arah usaha penyelesaian damai ini,

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpendapat apa-apa penyelesaian damai mengenai Krisis Teluk haruslah berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

- (i) Iraq mesti undur tanpa syarat dari Kuwait sepertimana ditetapkan oleh resolusi-resolusi yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kedua, kalau ber-setuju, buat apa bawa usul. *(Ketawa)*
- (ii) Pemulihan kembali kedaulatan dan keutuhan Wilayah Kuwait serta menyerahkan kembali Kuwait kepada pemerintah yang sah dan kepada rakyatnya. Soal Persidangan Antarabangsa mengenai Asia Barat terutama mengenai soal Palestine telahpun diputuskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa dalam ucapan Presiden yang telah diadakan pada awal bulan Disember tahun yang sudah haruslah diadakan pada masa yang sesuai untuk mencari penyelesaian terhadap soal Palestine dan

Malaysia akan terus mendesak supaya Persidangan Aniarabangsa itu diadakan dalam masa yang sesuai. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyatakan bahawa pencerobohan dan penaklukan Kuwait oleh Iraq bukanlah merupakan jihad. Hakikatnya iaitu pencerobohan negara besar dan kuat ke atas jirannya yang kecil dan lemah. Itu yang sebenarnya dan juga kerana hendak menuntut wang, hutang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan khawatir apakah motif yang sebenarnya bagi Ahli Yang Berhormat dari Marang membangkitkan usul ini di Dewan yang mulia pada hari ini. Saya ingin menyoal Yang Berhormat, apakah penerimaan usul dari Yang Berhormat dapat menyelesaikan peperangan yang sedang berlaku di Teluk? Nampaknya tujuan sebenar usul Ahli Yang Berhormat ini adalah politik semata-mata dan menanggung di air yang keruh. *(Tepuk)*

Saya menyatakan begini, kerana parti Ahli Yang Berhormatbaru-baru ini telah menghantar beberapa wakilnya menghadiri Muktamar Islam di Baghdad yang dianjurkan oleh Iraq. Adakah Muktamar itu dapat merumuskan sesuatu cara penyelesaian terhadap konflik sekarang? Sebaliknya kehadiran beberapa anggota dari parti PAS termasuk pucuk pimpinan PAS sendiri telah memberikan satu gambaran palsu bahawa apa yang dilakukan oleh Iraq sekarang ini mendapat sokongan dari umat Islam seluruhnya. Saya yakin bahawa langkah yang diperbuat oleh PAS hanya untuk kepentingan parti PAS dan untuk mengaburkan mata rakyat Malaysia termasuk barisan Pembangkang ini yang telah ditunjukkan dalam Pilihanraya Umum yang lalu. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang tidak langsung mengambilkira pencerobohan dan

penaklukkan Iraq ke atas Kuwait itu telah memecah-belahkan perpaduan negara-negara Arab dan umat Islam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung iaitu Kerajaan tidak akan berganjak dari memperjuangkan kepentingan umat Islam. (*Tepuk*) Dalam keadaan sekarang Kerajaan Malaysia ingin menganjurkan bahawa tanah suci iaitu Kota Mekah dan Madinah mestilah diisytiharkan sebagai kota terbuka iaitu open cities supaya kedua-dua kota suci ini dapat diberi perlindungan yang kekal dari apa-apa bencana yang mungkin timbul dari peperangan atau persengketaan di Wilayah tersebut. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut perbincangan di bawah Peraturan 18, apabila sampai pukul 6.30 perang maka cadangan menangguhkan Mesyuarat itu jika belum selesai diselesaikan lagi, adalah lucut dan perjalanan-perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah ditcruskan dan diuruskan menurut Perenggan 4.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup 6.30, kita akan berbalik kepada urusan kita tadi iaitu Majlis dalam Jawatankuasa. Sebelum pada itu, saya tahu ada satu cadangan yang akan dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa dengan tidak menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (4), Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan supaya Majlis ini ditangguhkan dengan tidak menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (4), hendaklah diper-setujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa dengan tidak menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (4), Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.